


*Sejarah Kemunculan Teori
dan Perkembangan
Ahli Sunnah Wal Jama'ah*



Dr. Abdullaah Jalil



SEMINAR KEBANGSAAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH (SUNNI) 6.0

Tema: “Perkukuh Akidah, Perkasa Ummah”

Tarikh dan Hari: 16 Disember 2023 (Sabtu)

Masa: 8.00 pagi – 4.00 petang

Tempat: Dewan Multimedia, Fakulti Teknologi & Sains
Maklumat,UKM

Sejarah Kemunculan Teori dan Perkembangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah

Disediakan oleh:

Dr. Abdullaah Jalil

*Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Felo Nadwah Ahli Sunnah Wal Jama’ah Darul Ridzuan (Perak)

*Ahli Panel Jawatankuasa Penyelidikan Isu-Isu Kontemporari Islam
Negeri Sembilan (JPIKINS)

*Panel Penyelidik dan Perunding NAPPCVE, Kementerian Dalam
Negeri (KDN)

Anjuran:

Kursus PPPH3533 Kajian Ahli Sunnah Wal Jama’ah, Pusat Kajian
Usuluddin dan Falsafah & Pusat Islam UKM

**SEMINAR KEBANGSAAN
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH
(SUNNI) 6.0**

DIRASMIKAN OLEH :
**SAHIBUS SAMAAH DATUK
PROF. MADYA DR. LUQMAN
BIN HAJI ABDULLAH**
MUFTI WILAYAH
PERSEKUTUAN

| | | | | |
|--|---|--|---|---|
| SLOT 1 DR. ABDULLAAH JALIL (USIM) | SLOT 2 PROF MADYA DR. MUHAMMAD KHAIRI BIN MAHYUDDIN (USIM) | SLOT 3 DR. AZMIL BIN ZAINAL ABIDIN (UM) | SLOT 4 DR. MOHD KHAFIDZ BIN SORONI (UIS) | SLOT 5 DR. WAN HASLAN BIN KHAIRUDDIN (UKM) |
| TAJUK: SEJARAH KEMUNCULAN TEORI DAN PERKEMBANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH | TAJUK: PERANAN TASAWUF DALAM PERKEMBANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH | TAJUK: PENGUKUHAN AKIDAH AS- SYA'IRAH | TAJUK: SUMBANGAN ILMUWAN HADIS DALAM PEMIKIRAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH | TAJUK: KERANGKA METODOLOGI PEMIKIRAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH |

SCAN QR
MENDAFTAR

MAKANAN MERIT-I-STAR TEMPAT ADALAH TERHAD!

UNTUK DIHUBUNGI :
013-748 1823 (SYAHMI)
016-8764388 (AZHANI)

SABTU | 16 DIS 2023 | 8 AM - 4 PM
DEWAN SARJANA, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UKM

● PELAJAR (RM5)
● BUKAN PELAJAR (RM10)

ANJURAN BERSAMA : KURSUS PPPH3533 KAJIAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH, PUSAT KAJIAN USULUDDIN DAN FALSAFAH, DAN PUSAT ISLAM

Ucuptama:
Mufti Wilayah Persekutuan
Sahibus Samahah Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah

| Slot | Pembentang |
|--|--|
| Slot 1: Sejarah Kemunculan Teori dan Perkembangan Ahli Sunnah Wal Jamaah | Dr. Abdullaah Jalil (USIM) |
| Slot 2: Peranan Tasawuf Dalam Perkembangan Ahli Sunnah Wal Jamaah | Prof. Madya Dr. Muhammad Khairi bin Mahyuddin (USIM) |
| Slot 3: Pengukuhan Akidah Al-Asya'irah | Dr. Azmil bin Zainal Abidin (UM) |
| Slot 4: Sumbangan Ilmuan Hadis Dalam Pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah | Dr. Mohd Khafidz bin Soroni (UIS) |
| Slot 5: Kerangka Metodologi Pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah | Dr. Wan Haslan bin Khairuddin (UKM) |

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| PENDAHULUAN | 1 |
| Perpecahan Umat dan Panduan Rasulullah ﷺ | 3 |
| Umat Rasulullah ﷺ Umat Terpelihara Pada Kesepakatan Mereka .. | 4 |
| Perkhabaran Rasulullah ﷺ Tentang Kemunculan Fitnah | 4 |
| Lelaki Khawarij Yang Menjadi Punca Pertelingkahan Umat | 5 |
| Agamawan Yang Membawa Fahaman Takfir | 5 |
| Khawarij Akhir Zaman | 7 |
| Berhati-hati dengan Golongan Yang Gemar Mengikut [Makna Zahir] Nas-nas Mutashābihāt | 8 |
| Golongan [Khawarij] dari Timur Madinah Yang Membaca Al-Quran Tetapi Tidak Memahaminya: Mereka Sukar Kembali Bertaubat dan Tanda Mereka ialah Bercukur Kepala | 9 |
| Fitnah-fitnah Agama dan Tanduk (Kekuatan) Syaitan Muncul dari Najd | 10 |
| Dua Tanduk Syaitan Akan Muncul Daripada Qabilah Rabī'ah dan Muḍar | 11 |
| Fitnah <i>Takfīr</i> (Kafir Mengkafir Sesama Muslimin) Muncul dari Ahli Agama Yang Terpesong | 11 |
| PERGOLAKAN AWAL UMAT DI ERA KHULAFAT RASHIDIN | 13 |
| Kewafatan Rasulullah ﷺ | 13 |
| Keteguhan Saidina Abu Bakar ؓ | 13 |
| Pemilihan Tempat Maqam Rasulullah ﷺ | 14 |
| Saḳīfah Bani Sā'adah: Pemilihan Qurasyh dan Saidina Abu Bakar ؓ | 14 |
| Penentuan Tempat Pengebumian Rasulullah ﷺ | 15 |
| Harta Warisan Rasulullah ﷺ | 16 |
| Fitnah Nabi Palsu Pertama: 'Abhalah al-Aswad al-'Ansī (w.11H) | 16 |
| Era Khilafah Saidina Abu Bakar ؓ | 17 |
| Fitnah Ṭulayḥah bin Khuwaylid al-Asadī (w.21H) di Buzākhah, Najd | 18 |
| Fitnah Musaylamah al-Kadzdzāb (w.12H) | 18 |

| | |
|---|-----------|
| Fitnah Rajjāl bin ‘Unfuwah..... | 19 |
| Pengumpulan Al-Quran Menjadi Satu Muṣḥaf..... | 19 |
| Fitnah Sajāḥ binti al-Ḥarīth al-Tamīmīyah (w.55H) | 21 |
| Fitnah Golongan Yang Tidak Membayar Zakat | 21 |
| Era Khilafah Saidina ‘Umar ؓ..... | 21 |
| Kesyahidan Saidina ‘Umar Al-Khattab ؓ: Terbukanya Pintu Fitnah | 22 |
| Khilafah Saidina Uthman ؓ..... | 22 |
| Kemunculan ‘Abdullāh bin Saba’..... | 22 |
| Pembunuhan Saidina ‘Uthman ؓ: Al-Fitnah Al-‘Ula | 23 |
| Khilafah Saidina ‘Ali ؓ..... | 24 |
| Peperangan Jamal..... | 24 |
| Peperangan Ṣifīn | 26 |
| Penubuhan Majlis Tahkim..... | 27 |
| Fitnah Abdullah Bin Saba’..... | 28 |
| Kemunculan Khawarij Haruriyyah..... | 28 |
| Keputusan Majlis Tahkim..... | 29 |
| Peperangan Saidina ‘Ali ؓ dengan Khawarij..... | 29 |
| Pembunuhan Saidina ‘Ali ؓ..... | 29 |
| Khilafah Saidina Al-Hasan r.a..... | 29 |
| Manhaj Ahli Sunnah Wal Jama’ah..... | 30 |
| PERPECAHAN UMAT DENGAN KEMUNCULAN KELOMPOK BID’AH YANG TERAWAL DI AKHIR ZAMAN PARA SAHABAT DAN SETERUSNYA..... | 31 |
| Kemunculan Golongan Khawarij (Haruriyyah) – Kelompok Bid’ah Pertama dan Peperangan Nahrawan | 31 |
| Kemunculan Golongan Syiah | 32 |
| Fitnah Karbala’ dan Pembunuhan Saidina al-Husayn r.a. (w.61H)..... | 32 |
| Kemunculan Qadariyyah | 33 |
| Kemunculan Murji’ah | 33 |
| Kemunculan al-Mu’attilah dan al-Jahmiyyah (w.128H) | 34 |
| Kemunculan Jabariyyah | 35 |

| | |
|--|-----------|
| Kemunculan Mushabbihah, Mujassimmah dan Hashwiyyah | 35 |
| Fitnah Muktaẓilah (Al-Wasiliyyah) | 39 |
| Fitnah “Kalam” (<i>Mihnah Khalq al-Qur’ an</i>) oleh Muktaẓilah | 40 |
| Keteguhan Imam Ahmad Bin Hanbal | 40 |
| Khalifah Al-Mutawakkil Pada 232H Memadam Fitnah Khalq Al-Qur’an | 41 |
| Kemunculan Najjāriyyah | 41 |
| Kemunculan Karrāmiyyah (Mujassimah) dan Fitnahnya Yang Melanda Mazhab Hanbali | 42 |
| KELAHIRAN MADRASAH KULLĀBIYYAH DAN AL-MUḤĀSIBIYYAH SEBELUM DUA TOKOH BESAR ASWJ | 44 |
| Latar belakang Imam Ibnu Kullāb (241H) | 45 |
| Latar belakang Imam al-Ḥārith al-Muhasibi (170H-243H)..... | 46 |
| KEMUNCULAN DUA TOKOH BESAR ASWJ | 47 |
| Kemunculan Imam Abu al-Hasan al-Ash’ari (260H – 324H) Sebagai Imam Ahli Sunnah dan Jama’ah | 47 |
| Aṣḥāb al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash’arī | 48 |
| Kemunculan Imam Abu Mansur al-Maturidi al-Ansari (233-247H – 333H) Sebagai Imam Ahli Sunnah dan Jama’ah | 51 |
| ULAMA’ EMPAT MAZHAB FIQH UTAMA SUNNI DAN TOKOH ULAMA’ DALAM SEGENAP BIDANG SEBAGAI KESINAMBUNGAN MANHAJ ASWJ AL-ASHA’IRAH DAN AL-MATURIDIYYAH | 52 |
| Al-‘Asha’irah adalah Ilmuan Islam Sepanjang Zaman dalam Segenap Bidang Ilmu Islam | 53 |
| Al-Ashairah dan al-Maturidiah adalah Jaguh Para Ulama’ dalam Semua Disiplin Ilmu-ilmu Islam | 54 |
| Ulama’ Empat Mazhab adalah ASWJ Al-Asha’irah dan Al-Maturiddiyah | 55 |
| Siapakah Ahli Sunnah dan Jama’ah kalau bukan Al-Asha’irah dan Al-Maturidiyyah? | 56 |
| Pusat <i>Iftā’</i> Umum Jordan: Al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah adalah Majoriti Umat Islam, Ulama’ Yang Berwibawa dan Pembawa Akidah Rasulullah ﷺ | 60 |

| | |
|---|-----------|
| Tokoh-tokoh Utama Ulama' Al-Ashā'irah di dalam Pelbagai Disiplin Penting Ilmu Syariah | 62 |
| KESINAMBUNGAN MANHAJ ASWJ DI MALAYSIA | 65 |
| Manhaj ASWJ di Tanah Melayu | 65 |
| Wasiat Syeikh Abdullah Fahim bin Syeikh Ibrahim (1869M – 1961M) Berkenaan Manhaj ASWJ di Malaysia | 66 |
| Tan Sri Dato' Haji Othman Bin Mustapha– Ketua Pengarah JAKIM (2013) | 67 |
| Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2016) | 67 |
| Deklarasi Ipoh (2023) | 68 |
| RUMUSAN | 70 |
| BIBLIOGRAFI..... | 71 |

PENDAHULUAN

Ahli Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ) adalah satu istilah yang penting di dalam masyarakat Islam sejak hampir seribu tahun lalu kerana istilah ini melambangkan kebenaran pemiliknya dalam beragama. Kedudukan ASWJ sebagai pegangan majoriti para ulama' dan umat Islam adalah begitu jelas di dalam perkembangan ilmu-ilmu Islam dengan kemunculan tokoh-tokohnya yang muktabar dan kitab-kitabnya yang masyhur. Kedudukan para ulama' Al-Asha'irah dan Al-Maturidiyyah sebagai dua tunggak bagi disiplin aqidah/teologi ASWJ telah diperakui sejak kemunculannya sehingga hari ini. Walaupun kerangka ASWJ dari sudut manhaj, mazhab dan peranan merangkumi pelbagai kategori para ulama' [Rujuk Gambarajah 1], namun secara khususnya ia merujuk kepada Al-Ashā'irah dan Al-Māturīdiyyah.

Ini adalah kerana peranan mereka yang paling utama dan signifikan di dalam mempertahankan aqidah yang benar dan menolak syubhat-syubhat golongan yang menyeleweng. Al-Ashā'irah dan Al-Māturīdiyyah tidak mencipta aqidah yang baharu, tetapi mereka menetapkan aqidah yang menjadi pegangan Rasulullah ﷺ dan para sahabat baginda. Al-Imām Tāj al-Dīn al-Subkī (w.771H) menyebut:

اعْلَمْ أَنَّ أَبَا الْحُسَيْنِ لَمْ يَبْدَعْ رَأْيًا وَلَمْ يَنْشِ مَذْهَبًا وَإِنَّمَا هُوَ مُقَرَّرٌ لِمَذَاهِبِ السَّلَفِ
مَنَاظِلَ عَمَّا كَانَتْ عَلَيْهِ صَحَابَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَالانْتِسَابُ إِلَيْهِ إِنَّمَا
هُوَ بِاعْتِبَارِ أَنَّهُ عَقَدَ عَلَى طَرِيقِ السَّلَفِ نَطَاقًا وَتَمَسَكَ بِهِ وَأَقَامَ الْحُجَجَ وَالْبُرَاهِينَ
عَلَيْهِ فَصَارَ الْمُقْتَدَى بِهِ فِي ذَلِكَ السَّالِكِ سَبِيلَهُ فِي الدَّلَائِلِ يُسَمَّى أَشْعَرِيًّا..

“Ketahuilah olehmu sesungguhnya [Al-Imām] Abū al-Ḥasan [al-Ash'arī] tidak mencipta pendapat baru, dan tidak membina satu mazhab baru. Hanyasanya beliau menetapkan pandangan-


pandangan Salaf [Soleh], memperjuangkan apa yang dipegang oleh para Sahabat Rasulullah ﷺ.

Maka penisbahan [aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah] kepada beliau adalah kerana beliau yang mengikat jalan [aqidah] Salaf [Ṣāliḥ] dengan perkataan, dan beliau berpegang kemas dengannya, dan mendirikan hujah-hujah dan bukti-bukti untuknya.

Maka jadilah seseorang yang mengikutinya di dalam perkara itu, yang menjalani jalannya dalam mendirikan dalil-dalil tersebut dinamakan sebagai Ash'arī.”

(Taj al-Din al-Subki (771H): *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*). Jilid 3, muka surat: 365.

Gambar Rajah 1: Ahli Sunnah dan Jama'ah: Masa, Manhaj, Mazhab dan Peranan



Sumber: Abdullaah Jalil. (2018, 27 Oktober). *Sumbangan Ilmuan Fiqah dalam Pemikiran Al-Ash'ariyyah*.

Aqidah ASWJ adalah aqidah yang menepati aqidah Rasulullah ﷺ dan para Sahabat رضى الله عنه serta ulama' dari kalangan generasi Salaf Ṣāliḥ (<300H) dan Khalaf Ṭayyib (>300H). Bahkan, aqidah ini adalah aqidah majoriti para fuqaha', usuliyyin, mufassirin, muhaddithin, ulama' sufi, ulama' bahasa arab dan lain-lain. Aqidah ini juga adalah aqidah majoriti para pemerintah umat Islam dan rakyatnya sejak dulu hingga sekarang. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, sebahagian masyarakat Islam khususnya di Malaysia mula kabur tentang kedudukan ASWJ, manhajnya, mazhabnya dan peranannya.

Oleh kerana itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membentangkan sejarah dan latar belakang kemunculan Ahli Sunnah dan Jama'ah serta perkembangannya agar para pembaca dapat memahami bahawa kemunculan istilah atau gelaran ASWJ ini adalah merupakan respon para ulama' Islam muktabar terhadap kemunculan golongan-golongan yang sesat. Walaupun sebahagian ulama' berpandangan bahawa istilah ini datangnya dari hadith Rasulullah ﷺ, namun dari sudut sejarah istilah ini muncul selari dengan dua tokoh besarnya iaitu al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan al-Imām Abū Manṣūr al-Māturīdī.

Perpecahan Umat dan Panduan Rasulullah ﷺ

Rasulullah ﷺ telah memberitahu tentang perpecahan umat Baginda yang bakal berlaku sepertimana berlakunya perpecahan golongan Yahudi dan Nasrani. Namun begitu, Rasulullah ﷺ juga telah memberikan panduan yang jelas bagi jalan keselamatan ketika berlakunya perpecahan dan kekeliruan ini. Berdasarkan hadith-hadith dalam bab ini, jalan keselamatannya adalah seperti berikut.

1. *Al-Sawād Al-A'zam* (Majoriti ulama' dan umat Islam)
2. *Al-Jamā'ah* (Majoriti ulama' dan umat Islam)

3. Pegangan Rasulullah ﷺ dan para Sahabat رضی اللہ عنہم.
4. Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah ﷺ.
5. Kitab Allah dan keluarga/keturunan Rasulullah ﷺ.

Kelima-lima jalan keselamatan adalah merujuk kepada satu hakikat yang sama dan tidak saling bertentangan.

Umat Rasulullah ﷺ Umat Terpelihara Pada Kesepakatan Mereka

Umat Rasulullah ﷺ diberi keistimewaan oleh Allah ﷻ untuk tidak berhimpun dan bersepakat di atas kesesatan selama-lamanya. Keistimewaan ini tidak diberikan kepada umat-umat Nabi terdahulu. Sebagai contoh, umat Nabi Musa ﷺ pernah sesat beramai-ramai – melainkan Nabi Harun ﷺ - menyembah patung anak lembu kerana fitnah dan penipuan Sāmīrī. Begitu juga, ijma' (persepakatan para ulama' Islam pada satu masa/zaman) menjadi hujah dan dalil yang disepakati bagi umat ini.

“Kebenaran Kesepakatan Ulama' Umat Islam” menjadi neraca yang penting dalam menentukan kedudukan sesuatu kefahaman atau mazhab pemikiran di sisi ASWJ. Jika sesuatu kefahaman dan pemikiran itu ditolak dan ditentang dengan kesepakatan ulama' umat Islam, maka dengan mudah kita dapat mengetahui bahawa ia adalah sesuatu yang batil.

Perkhabaran Rasulullah ﷺ Tentang Kemunculan Fitnah

Rasulullah ﷺ juga memberi perkhabaran tentang kemunculan ahli bid'ah dari individu tertentu atau dengan ciri-ciri tertentu yang menjadi punca perpecahan umat Islam. Terdapat banyak hadith berkenaan

perkhabaran seumpama ini. Namun, penulis menyatakan sebahagian kecil sahaja sebagai contoh.

Lelaki Khawarij Yang Menjadi Punca Pertelingkahan Umat

Rasulullah ﷺ pernah bersabda berkenaan seorang lelaki yang zahirnya kuat beribadat dan berjihad, namun bersikap sombong dan merasakan dirinya sebagai terbaik. Baginda ﷺ kemudiannya memerintahkan Saidina Abu Bakar رضي الله عنه, kemudian Saidina ‘Umar رضي الله عنه dan akhirnya Saidina ‘Ali r.a. untuk membunuhnya, tetapi tidak berjaya dilakukan. Maka Rasulullah ﷺ pun bersabda :

أَمَّا وَاللَّهِ لَوْ قَتَلَهُ، لَكَانَ أَوَّلَهُمْ وَآخِرَهُمْ، وَمَا اخْتَلَفَ فِي أُمَّتِي اثْنَانِ

“Demi Allah, jika beliau (Saidina ‘Ali رضي الله عنه) berjaya membunuhnya, maka ia adalah lelaki pertama dan terakhir [daripada kalangan mereka], dan tidak akan berlaku pertelingkahan di kalangan umatku walaupun dua orang.”

Dalam riwayat yang lain, lafaznya berbunyi:

لَوْ قُتِلَ الْيَوْمَ مَا اخْتَلَفَ رَجُلَانِ مِنْ أُمَّتِي حَتَّى يُخْرَجَ الدَّجَالُ

“Jika dia dibunuh pada hari ini, maka tidak akan ada dua lelaki dari kalangan umatku yang akan bertelingkah sehingga keluarnya Dajjal.”

Sebahagian riwayat menyatakan lelaki ini adalah Dzū al-Khuwayṣirah al-Tamīmī atau Dzū al-Thudayyah yang bernama Ḥurqūṣ bin Zuhayr al-Sa’dī al-Tamīmī. Saidina ‘Ali رضي الله عنه dan tentera beliau akhirnya berjaya membunuhnya di dalam peperangan terhadap Khawārij Ḥarūriyyah.

Agamawan Yang Membawa Fahaman Takfir

Saidina Huzayfah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((إِنَّ مَا أَتَخَوَّفُ عَلَيْكُمْ رَجُلٌ قَرَأَ الْقُرْآنَ حَتَّى رُئِيتَ بِهِجْتُهُ عَلَيْهِ، وَكَانَ رِدْنًا لِلْإِسْلَامِ، غَيْرُهُ إِلَى مَا شَاءَ اللَّهُ، فَانْسَلَخَ مِنْهُ وَنَبَذَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ، وَسَعَى عَلَى جَارِهِ بِالسَّيْفِ، وَرَمَاهُ بِالشُّرْكِ))، قَالَ: قُلْتُ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ، أَيُّهُمَا أَوْلَى بِالشُّرْكِ، الْمُرْمِيُّ أَمْ الرَّامِيُّ؟ قَالَ: ((بَلِ الرَّامِيُّ))

Daripada Hudzayfah ؓ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya apa yang aku sering takutkan ke atas kamu semua ialah [kemunculan] seorang lelaki yang membaca Al-Quran sehingga tampak jelas padanya keindahannya; bahkan dia pernah menjadi penolong/pembantu bagi agama Islam.

Kemudian [Allah] mengubahnya kepada sesuatu yang dikehendaki oleh-Nya, maka tergelincirlah lelaki itu daripadanya (petunjuk Al-Qur’an) dan dia mencampakkannya (Al-Quran) ke belakangnya, bahkan dia juga mengangkat pedang ke atas jirannya (saudara satu agamanya) dan menuduhnya (jirannya) dengan kesyirikan.

Hudzayfah ؓ berkata: Aku berkata: Wahai Nabi Allah! Siapakah di antara kedua-dua mereka yang lebih layak dengan kesyirikan: pihak yang dituduh atau pihak yang menuduh?.

Baginda ﷺ menjawab: Bahkan, pihak yang menuduh [lebih hampir dengan kesyirikan].”

T: (Ibn Hibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 81 [Lafaz di atas] : Sanadnya sahih; (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 2793; (al-Bukhārī (256H): al-Tārīkh al-Kabīr), No. 2907; (Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852H): al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā’id al-Masānid al-Thamāniyah), No. 4356; (al-Būṣīrī (840H): Iṭḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā’id al-Masānid al-‘Asharah), No. 5973 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

Khawarij Akhir Zaman

Saidina ‘Ali عليه السلام meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda:

((سَيَخْرُجُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ قَوْمٌ أَحْدَاثُ الْأَسْنَانِ، سُفَهَاءُ الْأَحْلَامِ، يَقُولُونَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ، يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ، يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ، فَإِذَا لَقِيْتُمُوهُمْ فَاقْتُلُوهُمْ، فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ أَجْرًا لِمَنْ قَتَلَهُمْ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ))

“Akan keluar di akhir zaman nanti satu kumpulan manusia dari kalangan orang-orang muda (*ḥudathā’/aḥdāth al-asnān*) yang mempunyai akal-akal yang bodoh/lemah (*sufahā’ al-aḥlām*); mereka berkata dari sebaik-baik perkataan yang diucapkan para makhluk (daripada Al-Quran dan Hadith); mereka membaca Al-Quran tetapi ia tidak melepasi pangkal leher mereka (mereka tidak memahaminya); mereka terpancar keluar daripada agama ini seperti terpancarnya anak panah dari busurnya (cepat dan sukar untuk kembali pulih).

Dan apabila kamu bertemu dengan mereka, maka perangilah mereka; sesungguhnya pada peperangan terhadap mereka itu pahala yang disediakan di sisi Allah pada Hari Kiamat nanti buat umat Islam yang memerangi mereka (Khawarij yang muncul di akhir zaman).”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1066 [Lafaz di atas], 1067 & 1068; (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud); (al-Nasā‘ī (303H): al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan) dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

Al-Sayyid al-Sharīf ‘Abdullāh bin al-Sayyid al-Sharīf Ḥasan Bāshā al-Hijāzī telah membuat perbahasan tentang perbezaan Khawarij di

zaman awal dan akhir zaman di dalam bukunya bertajuk: *Ṣidq al-Khabar fi Khawārij al-Qarn al-Thānī ‘Ashar*.

Berhati-hati dengan Golongan Yang Gemar Mengikut [Makna Zahir] Nas-nas Mutashābihāt

Rasulullah ﷺ juga berpesan agar umat Baginda ﷺ berhati-hati dengan golongan yang menjadikan nas-nas Mutashabihat sebagai asas pegangan mereka. Allah ﷻ berfirman (Āli ‘Imrān:7) berkenaan penyakit *zaygh* yang terdapat di dalam hati golongan ini:

فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ

“Adapun orang-orang yang ada dalam hatinya *zaygh* (kecenderungan ke arah kesesatan), maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar (nas-nas mutashabihat) dari Al-Quran ...”

Saidatina ‘Ā’ishah رضي الله عنها meriwayatkan bahawa Baginda ﷺ bersabda setelah membaca ayat ini:

فَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ، فَأُولَئِكَ الَّذِينَ سَمَّى اللَّهُ فَأَحْذَرُوهُمْ

“Apabila engkau melihat orang-orang yang mengikut apa yang mutashābihāt (nas-nas yang samar/ kabur maknanya) daripada Al-Quran, mereka itulah orang-orang yang dinamakan/ diterangkan oleh Allah [di dalam al-Quran – golongan yang mempunyai penyakit *zaygh* di hati], **maka berhati-hatilah dengan mereka.**”

(al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 4574 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2667 dan lain-lain.

Golongan [Khawarij] dari Timur Madinah Yang Membaca Al-Quran Tetapi Tidak Memahaminya: Mereka Sukar Kembali Bertaubat dan Tanda Mereka ialah Bercukur Kepala

قَالَ: ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ
((يَخْرُجُ نَاسٌ مِنْ قِبَلِ الْمَشْرِقِ وَيَقْرَءُونَ الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ تَرَاقِيهِمْ يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ
كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ، ثُمَّ لَا يَعُودُونَ فِيهِ حَتَّى يَعُودَ السَّهْمُ إِلَى فُوقِهِ قِيلَ مَا
سِيَاهُمْ؟، قَالَ: سِيَاهُمْ التَّحْلِيقُ، أَوْ قَالَ التَّسْبِيدُ))

Daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Akan keluar sekelompok manusia daripada arah Timur [Madinah] dan mereka membaca al-Quran tetapi ia tidak melepasi pangkal leher mereka (tidak memahaminya). Mereka terpancar keluar dari agama (Islam yang lurus) sepertimana panah terpancar menembusi buruannya/ sasarannya dengan laju. Kemudian, mereka tidak akan kembali lagi padanya (agama yang lurus) sehinggalah anak panah itu kembali ke busurnya.

Rasulullah ﷺ ditanya: Apakah tanda-tanda mereka itu?. Baginda ﷺ bersabda: *Tahliq* (Bercukur), atau Baginda ﷺ bersabda: *Tasbīd* (boleh memberi makna bercukur atau tidak meminyakkan rambut dan tidak membasuhnya).

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 7562 [Lafaz di atas].
[Status: Sahih]

Fitnah-fitnah Agama dan Tanduk (Kekuatan) Syaitan Muncul dari Najd

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، قَالَ:

ذَكَرَ النَّبِيُّ ﷺ : ((اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شَأْمِنَا، اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي يَمَنِنَا))، قَالُوا: يَا رَسُوْلَ اللهِ، وَفِي نَجْدِنَا ؟، قَالَ: ((اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شَأْمِنَا، اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي يَمَنِنَا))، قَالُوا: يَا رَسُوْلَ اللهِ، وَفِي نَجْدِنَا ؟، فَأَظْنُهُ قَالَ فِي الثَّالِثَةِ: ((هُنَاكَ الزَّلَازِلُ وَالْفِتَنُ، وَبِهَا يَطْلُعُ قَرْنُ الشَّيْطَانِ))

Daripada (‘ Abdullāh) Ibn ‘ Umar رضي الله عنهما, beliau berkata:

Rasulullah ﷺ menyebut: “Ya Allah! Berkatilah kami pada Yaman kami. Ya Allah! Berkatilah kami pada Syam kami.”

Maka sebahagian sahabat رضي الله عنهم berkata: Ya Rasulullah! Dan pada Najd kami?

Baginda ﷺ pun bersabda: “Ya Allah! Berkatilah kami pada Yaman kami. Ya Allah! Berkatilah kami pada Syam kami.”

Maka sebahagian sahabat رضي الله عنهم berkata: Ya Rasulullah! Dan pada Najd kami?

Dan seingat saya pada kali ketiga Rasulullah ﷺ bersabda: Di sanalah berlakunya gegaran-gegaran (agama), fitnah-fitnah (agama) dan di sanalah terbitnya tanduk (kekuatan) Syaitan.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1037 & 7094 (Lafaz di atas); (al-Tirmidhī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)) dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ); (Aḥmad (241H): al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān); (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār) dan lain-lain.

Dua Tanduk Syaitan Akan Muncul Daripada Qabilah Rabī'ah dan Muḍar

قَالَ: عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ،
أَشَارَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ نَحْوَ الْيَمَنِ، فَقَالَ: « أَلَا إِنَّ الْإِيمَانَ هَاهُنَا، وَإِنَّ الْقَسْوَةَ وَغِلْظَ
الْقُلُوبِ فِي الْفَدَّادِينَ عِنْدَ أَصُولِ أذْنَابِ الْإِبِلِ، حَيْثُ يَطْلُعُ قَرْنَا الشَّيْطَانِ فِي رَبِيعَةَ،
وَمُضَرَ »

Daripada Abū Mas'ūd رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pernah memberi isyarat dengan tangan Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang mulia ke arah Yaman dan bersabda:

“Ambillah perhatian, sesungguhnya iman itu ada di sana.

Dan sesungguhnya kekerasan dan kedegilan hati itu ada pada golongan yang memekik mengangkat suara di asal ekor-ekor unta (di kalangan pemilik-pemilik unta yang banyak).

Dari sanalah akan terbitnya dua tanduk syaitan, pada [qabilah] Rabī'ah dan [qabilah] Muḍar.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 3302, 3498, 438 & 5303; (Muslim (261H): al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 52 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 16618 & 21837 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

Fitnah *Takfīr* (Kafir Mengkafir Sesama Muslimin) Muncul dari Ahli Agama Yang Terpesong

عَنْ حُدَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

« إِنَّ مَا أَخَوْتُ عَلَيْكُمْ رَجُلٌ قَرَأَ الْقُرْآنَ حَتَّى رُئِيَ بِهَجَّتِهِ عَلَيْهِ، وَكَانَ رِدْنًا لِلْإِسْلَامِ،
 غَيْرُهُ إِلَى مَا شَاءَ اللَّهُ، فَأَنْسَلَخَ مِنْهُ وَنَبَذَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ، وَسَعَى عَلَى جَارِهِ بِالسَّيْفِ، وَرَمَاهُ
 بِالشُّرْكِ، قَالَ: قُلْتُ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ، أَيُّهُمَا أَوْلَى بِالشُّرْكِ، الْمُرْمِيُّ أَمْ الرَّامِيُّ؟ قَالَ: « بَلِ الرَّامِيُّ
 »

Daripada [Saidina] Hudzayfah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

“Sesungguhnya apa yang aku sering takutkan ke atas kamu semua ialah (kemunculan) seorang lelaki yang membaca al-Quran sehingga tampak jelas padanya keindahannya; bahkan dia pernah menjadi penolong/pembantu bagi agama Islam. Kemudian (Allah) mengubahnya kepada sesuatu yang dikehendaki olehNya, maka tergelincirlah lelaki itu daripadanya (petunjuk al-Qur’an) dan dia mencampakkannya (al-Quran) ke belakangnya, bahkan dia juga berusaha mengangkat pedang ke atas jirannya (saudara satu agamanya) dan menuduhnya (jirannya) dengan kesyirikan.

Huzayfah رضي الله عنه berkata: Aku berkata: Wahai Nabi Allah! Siapakah di antara kedua-dua mereka yang lebih layak dengan kesyirikan: pihak yang dituduh atau pihak yang menuduh?.

Baginda صلى الله عليه وسلم menjawab: Bahkan, pihak yang menuduh (lebih hampir dengan kesyirikan).”

T: (Ibn Hibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 81 [Lafaz di atas]; (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakḥkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 2793; (al-Bukhārī (256H): al-Tārīkh al-Kabīr), No. 2907; (Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852H): al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā’id al-Masānid al-Thamāniyah), No. 4356; (al-Būṣīrī (840H): Iṭḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā’id al-Masānid al-‘Asharah), No. 5973 dan lain-lain. [Status: Sahih]

PERGOLAKAN AWAL UMAT DI ERA KHULAFA' RASHIDIN

Kewafatan Rasulullah ﷺ

Kekasih Allah, Saidina Rasulullah ﷺ telah wafat pada hari Isnin, 12 Rabī' al-Awwal tahun 11 Hijrah bersamaan 8 Jun 632 Masihi pada umur enam puluh tiga (63) tahun.

Keteguhan Saidina Abu Bakar ؓ

Tatkala berita kewafatan Rasulullah ﷺ tersebar, sebahagian para Sahabat ؓ masih tidak dapat menerima hakikat ini sehinggakan Saidina 'Umar ؓ sendiri mengancam untuk memudaratkan sesiapa sahaja yang mengatakan bahawa Rasulullah ﷺ telah wafat. Dalam suasana yang tegang ini, Saidina Abu Bakar ؓ keluar dan membacakan firman Allah ﷻ:

[1] Al-Zumar:30

﴿إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ﴾

“Sesungguhnya engkau [wahai Nabi Muhammad ﷺ] akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati.

[2] Āli 'Imrān:144

﴿وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ ۚ أَفَأَيْنَ مَاتَ أَوْ قُتِلَ أُنْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ ۚ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا ۗ وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ﴾

“Dan [Nabi] Muhammad ﷺ itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul [yang telah mati atau terbunuh]. Jika demikian, kalau Baginda ﷺ pula mati atau

terbunuh, [patutkah] kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? Dan [ingatlah], sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan [sebaliknya] Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur [akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu].”

Dan para Sahabat ﷺ mula kembali tenang dan menerima hakikat yang berat ini.

Pemilihan Tempat Maqam Rasulullah ﷺ

Dan kemudian apabila timbulnya persoalan di manakah sepatutnya jasad Rasulullah ﷺ yang sangat mulia ini perlu dikebumikan, maka Saidina Abu Bakar ﷺ juga

Saqīfah Bani Sāī‘dah: Pemilihan Qurasyh dan Saidina Abu Bakar



Kaum Ansar telah berhimpun di Saqīfah Bani Sāī‘dah setelah kewafatan Rasulullah ﷺ untuk membincangkan perlantikan Khalifah Rasulullah ﷺ. Pada mulanya mereka mencadangkan Saidina Sa‘d bin ‘Ubādah ﷺ. Setelah itu, Saidina Abu Bakar ﷺ, Saidina ‘Umar ﷺ dan Saidina Abū ‘Ubaydah al-Jarrāh ﷺ datang dan berbincang dengan mereka berkenaan hal ini. Akhirnya, mereka bersetuju untuk melantik kaum Qurasyh atau Muhājirīn sebagai Khalifah.

Setelah persetujuan dicapai untuk melantik wakil kaum Muhajirin sebagai Khalifah, Saidina Abu Bakar ﷺ mencadangkan salah seorang daripada Saidina ‘Umar ﷺ dan Saidina Abū ‘Ubaydah al-Jarrāh ﷺ. Namun begitu, Saidina ‘Umar ﷺ segera menyebut tentang kelebihan-kelebihan Saidina Abu Bakar ﷺ dan memberi bay‘ah kepada beliau.

Setelah itu, para Sahabat رضي الله عنهم yang lain turut memberikan bay'ah kepada Saidina Abu Bakar رضي الله عنه. Saqīfah Bani Sāī'dah bukanlah peristiwa perpecahan, bahkan ia adalah titik penyatuan para Sahabat رضي الله عنهم.

Penentuan Tempat Pengebumian Rasulullah ﷺ

Para Sahabat رضي الله عنهم turut membincangkan tentang tempat bagi pemakaman Rasulullah ﷺ. Isu ini juga telah diselesaikan dengan hadith yang diriwayatkan Saidina Abu Bakar رضي الله عنه.

عَنْ عَائِشَةَ رضي الله عنها، قَالَتْ: لَمَّا قُبِضَ رَسُولُ اللَّهِ اخْتَلَفُوا فِي دَفْنِهِ، فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ: سَمِعْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ شَيْئًا مَا نَسِيتُهُ، قَالَ: « مَا قَبِضَ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا فِي الْمَوْضِعِ الَّذِي يُحِبُّ أَنْ يُدْفَنَ فِيهِ » اذْفَنُوهُ فِي مَوْضِعِ فِرَاشِهِ.

Daripada Saidatina 'A'ishah رضي الله عنها, beliau berkata:

Apabila Baginda ﷺ wafat, maka para Sahabat رضي الله عنهم berbeza pandangan tentang tempat pengebumian Baginda ﷺ. Lalu, Saidina Abu Bakar رضي الله عنه berkata:

Aku telah mendengar sesuatu daripada Rasulullah ﷺ yang aku tidak akan melupakannya, Baginda ﷺ bersabda:

“Allah ﷻ tidak mewafatkan seorang Nabi melainkan di tempat yang mana Dia cinta untuk Nabi tersebut dikebumikan padanya.”

Kebumikanlah Baginda ﷺ di tempat hamparan tidur Baginda ﷺ.

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 1018 [Lafaz di atas].

Harta Warisan Rasulullah ﷺ

Dan apabila Saidatina Fāṭimah رضي الله عنها dan para isteri Rasulullah ﷺ meminta hak harta warisan dari harta peninggalan Rasulullah ﷺ, Saidina Abu Bakar رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Baginda ﷺ pernah bersabda:

« لَا نُورَثُ مَا تَرَكَنَا صَدَقَةً »

“[Harta-harta] kami [para Nabi ﷺ] diwarisi [oleh para pewaris kami]. Apa yang kami tinggalkan adalah sedekah.”

T: Muttafaq ālayh [al-Bukhārī dan Muslim]

Fitnah Nabi Palsu Pertama: ‘Abhalah al-Aswad al-‘Ansī (w.11H)

Al-Aswad al-‘Ansī mendakwa sebagai seorang nabi pada akhir hayat Baginda ﷺ ketika Baginda ﷺ sedang gering. Dia dan pengikutnya adalah merupakan golongan murtad yang pertama di dalam Islam pada zaman Rasulullah ﷺ. Dia menamakan dirinya sebagai “Raḥmān al-Yaman” dan juga dikenali sebagai “Dzū al-Khimār.” Dia akhirnya dibunuh oleh Saidina Fayrūz al-Daylamī رضي الله عنه (w.53H) ketika Rasulullah ﷺ masih hidup.

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، قَالَ: أَتَى الْخَبْرُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ مِنَ السَّمَاءِ اللَّيْلَةَ الَّتِي قُتِلَ فِيهَا الْأَسْوَدُ الْكَذَّابُ الْعَنْسِيُّ، فَخَرَجَ لِيُبَشِّرَنَا، فَقَالَ: « قُتِلَ الْأَسْوَدُ الْبَارِحَةَ، قَتَلَهُ رَجُلٌ مُبَارَكٌ مِنْ أَهْلِ بَيْتِ مُبَارَكِينَ. قِيلَ: وَمَنْ قَتَلَهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ »، قَالَ: « فَيْرُوزُ الدَّيْلَمِيِّ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Umar رضي الله عنهما, beliau berkata:

Telah datang khabar kepada Baginda Rasulullah ﷺ dari langit pada malam di mana al-Aswad al-Kadzdzāb al-‘Ansī telah dibunuh. Maka Baginda ﷺ telah keluar untuk memberitahu khabar gembira ini kepada kami dan Baginda ﷺ bersabda:

“Al-Aswad telah dibunuh semalam dan dia telah dibunuh oleh seorang lelaki yang diberkati daripada ahli keluarga yang diberkati.”

Lalu Baginda ﷺ ditanya: “Siapakah yang membunuhnya wahai Rasulullah?.” Baginda ﷺ bersabda: “Fairuz al-Daylamī.”

[Ibnu ‘Abd al-Barr: al-Istī‘āb fi Ma‘rifat al-Ṣaḥābah]

Era Khilafah Saidina Abu Bakar ﷺ

Saidina Abu Bakar ﷺ adalah merupakan Khalifah pertama bagi Rasulullah ﷺ setelah kewafatan Baginda ﷺ. Dalam tempoh pemerintahan yang singkat, beliau menghadapi dua fitnah yang besar iaitu:

[1] Fitnah Nabi-nabi palsu dan golongan yang murtad:

[i] Ṭulayḥah bin Khuwaylid al-Asadī al-Kadzdzāb

[ii] Musaylamah al-Kadzdzāb

[iii] Sajāḥ binti al-Ḥārith

[2] Fitnah golongan yang enggan membayar zakat.

Namun begitu, beliau berjaya menghapuskan kedua-dua fitnah ini dengan kerjasama daripada para Sahabat ﷺ yang lain. Era Khilafah beliau hanyalah dalam tempoh dua (2) tahun tiga (3) bulan. Beliau telah wafat pada malam Isnin, 22 Jamadil Akhirah 13H.

Saidatina ‘Ā’ishah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا berkata:

تُوِّفِيَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ [ﷺ] وَارْتَدَّتْ الْعَرَبُ وَاشْرَأَبَ النِّفَاقُ وَنَزَلَ بِأَبِي مَا لَوْ نَزَلَ
بِالْجِبَالِ لَهَاضَهَا

“Tatkala Rasulullah ﷺ wafat, [ramai] orang arab yang telah murtad dan kemunafikan mula zahir, dan bapakku [Saidina Abu Bakar ﷺ] telah menghadapi cabaran yang amat getir dan berat, sekiranya cabaran-cabaran itu turun ke ke atas gunung-ganang, maka ia pasti menghancurkannya.”

Fitnah Ṭulayḥah bin Khuwaylid al-Asadī (w.21H) di Buzākhah, Najd

Di antara golongan yang murtad kerana nabi palsu ialah Bani Asad yang diketuai oleh Ṭulayḥah bin Khuwaylid al-Asadī. Dia mendakwa dirinya sebagai nabi ketika Baginda ﷺ masih hidup, di akhir hayat Baginda ﷺ. Baginda ﷺ telah mengutuskan Saidina Ḍirār bin al-Azwar ﷺ untuk memerangnya dan Baginda ﷺ wafat sebelum dia dikalahkan. Dan golongannya merupakan kumpulan murtad pertama yang diperangi oleh Saidina Abu Bakar ﷺ setelah itu. Saidina Khālid bin al-Walīd telah dihantar untuk memerangi kumpulannya. Peperangan ini dikenali sebagai Peperangan Buzākhah, satu kawasan yang terletak di utara Najd. Ṭulayḥah berjaya meloloskan dirinya dan lari ke arah Syam. Namun begitu, beliau kemudiannya memeluk Islam dan menjadi seorang Muslim yang baik. Beliau juga menyertai peperangan al-Qādisiyyah (15 Hijrah) dan peperangan Nahāwand (21 Hijrah) dan gugur syahid.

Fitnah Musaylamah al-Kadzdāb (w.12H)

Fitnah Musaylamah al-Kadzdāb boleh dianggap sebagai fitnah nabi palsu yang paling dahsyat pernah berlaku. Dia berasal dari Yamāmah,

satu kawasan di Najd, daripada kalangan Bani Ḥanīfah. Dia berumur lebih tua berbanding Rasulullah ﷺ dan ingin berkongsi kenabian dengan Rasulullah ﷺ. Pada awalnya, Saidina Abu Bakar ؓ menghantar Saidina ‘Ikrimah bin Abu Jahl ؓ untuk menghadapi Musaylamah, namun beliau tidak dapat mengalahkannya. Fitnah ini akhirnya terpadam apabila Saidina Khālid bin al-Walīd pula dihantar oleh Saidina Abu Bakar untuk memimpin pasukan tentera yang menggempur dan mengalahkannya di dalam peperangan al-Yamāmah. Di dalam peperangan inilah, seruan:

يَا مُحَمَّدَا (وَا مُحَمَّدَا)

menjadi syiar para Sahabat ؓ dan Musaylamah al-Kadzdzāb dibunuh oleh Saidina Waḥshī ؓ

Fitnah Rajjāl bin ‘Unfuwah

Fitnah Musaylamah tidak akan menjadi begitu kuat jika tidak kerana fitnah Rajjāl bin ‘Unfuwah. Rajjāl bin ‘Unfuwah pada asalnya adalah merupakan salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ. Beliau dihantar oleh Saidina Abu Bakar ؓ untuk berhadapan dengan Musaylamah. Namun begitu, dia terpesona dengan tawaran yang dibuat oleh Musaylamah untuk mendapatkan separuh kerajaannya. Dia akhirnya sanggup membuat hadith palsu yang memberi makna bahawa Rasulullah ﷺ dan Musaylamah al-Kadzdzāb berkongsi kenabian. Fitnah Rajjāl ini telah memperkuatkan kedudukan Musaylamah dan membentuk pengikut yang ramai baginya.

Pengumpulan Al-Quran Menjadi Satu Muṣḥaf

Kisah ini telah diriwayatkan dengan panjang lebar di dalam kitab-kitab hadith yang sahih seperti Sahih al-Bukhari di mana Saidina ‘Umar ؓ

menyuarakan kebimbangannya dengan peristiwa pembunuhan yang berlaku di al-Yamāmah di mana tujuh puluh (70) orang *qurrā'* telah gugur syahid. Beliau mencadangkan kepada Saidina Abu Bakar رضي الله عنه supaya mengumpulkan Al-Quran di dalam satu mushaf. Maka apabila Saidina Abu Bakar رضي الله عنه bertanya:

كَيْفَ أَفْعَلُ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟

“Bagaimanakah mungkin aku melakukan sesuatu yang tidak dilakukan oleh Rasulullah ﷺ?.”

Saidina ‘Umar رضي الله عنه lantas menjawab:

هُوَ وَاللَّهُ خَيْرٌ

“Ia - Demi Allah! - adalah sesuatu yang baik.”

Dan apabila Saidina Abu Bakar رضي الله عنه telah dilapangkan dadanya untuk bersetuju dengan pandangan Saidina ‘Umar رضي الله عنه, beliau lantas memanggil Zayd bin Thabit رضي الله عنه dan memintanya untuk mengumpulkan al-Quran. Saidina Zayd رضي الله عنه bertanya soalan yang serupa:

كَيْفَ تَفْعَلَانِ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟

“Bagaimanakah mungkin kamu berdua melakukan sesuatu yang tidak dilakukan oleh Rasulullah ﷺ?.”

Saidina Abu Bakr رضي الله عنه lantas menjawab:

هُوَ وَاللَّهُ خَيْرٌ

“Ia - Demi Allah! - adalah sesuatu yang baik.”

Dan akhirnya Zayd bin Thabit رضي الله عنه juga dilapangkan dadanya untuk menerima pandangan Saidina Abu Bakr رضي الله عنه dan Saidina ‘Umar رضي الله عنه

berkenaan kebaikan pengumpulan Al-Quran tersebut walaupun ianya tidak dilakukan oleh Rasulullah ﷺ.

Fitnah Sajāh binti al-Ḥarīth al-Tamīmīyah (w.55H)

Sajāh al-Tamīmīyah ialah seorang wanita mendakwa sebagai nabi selepas kewafatan Rasulullah ﷺ. Setelah Musaylamah al-Kadzdzāb dibunuh, beliau akhirnya memeluk Islam dan menjadi seorang wanita Muslimah yang baik. Beliau wafat di Basrah pada tahun 55 Hijrah pada era Saidina Mu‘āwiyah ؓ dan disembahyangkan oleh Saidina Samurah bin Jundub al-Fazārī ؓ.

Fitnah Golongan Yang Tidak Membayar Zakat

Saidina Abu Bakar ؓ juga menangani golongan yang tidak mahu membayar zakat setelah kewafatan Rasulullah ﷺ.

Era Khilafah Saidina ‘Umar ؓ

Sebelum Saidina Abu Bakar ؓ meninggal dunia, beliau telah berwasiat agar Saidina ‘Umar al-Khattab ؓ diangkat sebagai Khalifah. Saidina ‘Umar ؓ adalah khalifah pertama yang menggunakan gelaran “Amīr al-Mu‘minīn.” Di antara pencapaian besar di zaman beliau ialah kemenangan ke atas empayar Parsi melalui Saidina Sa‘d bin Abu Waqqāṣ ؓ di dalam peperangan al-Qādisyiah dan pembukaan Palestin dan Mesir di tangan Saidina ‘Amr bin al-‘As ؓ. Beliau juga memperkenalkan sistem kharāj, senarai *dawāwīn*, kalendar Hijrah, sistem hisbah, pos, pembukaan bandar, penyusunan wilayah dan lain-lain. Beliau juga berjaya memadamkan fitnah-fitnah sebelum ia merebak seperti fitnah Ṣabīgh bin ‘Isl al-Tamīmī dari Kufah. Khilafah beliau berterusan selama sepuluh (10) tahun enam (6) bulan.

Kesyahidan Saidina ‘Umar Al-Khattab ؓ: Terbukanya Pintu Fitnah

Saidina ‘Umar ؓ akhirnya dibunuh oleh seorang majusi bernama Abu Lu’lu’ah Fayruz al-Farisi dari hari Rabu, 26 Zulhijjah 23 Hijrah (644M). Beliau telah ditikam sebanyak enam (6) kali oleh Abu Lu’lu’ah dengan sebilah pisau besar (pedang) yang mempunyai dua mata. Setelah insiden tersebut, beberapa orang Muslimin yang hadir cuba menangkap Abu Lu’lu’ah, namun dia telah menikam tiga belas (13) orang daripada mereka dan seramai enam (6) orang telah maut. Melihatkan keadaan itu, Saidina ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awf ؓ telah melemparkan sebidang kain ke atas Abu Lu’lu’ah dan apabila dia merasakan bahawa dia akan ditangkap, dia pun membunuh dirinya sendiri. Fitnah mula terbuka melanda umat Islam setelah kewafatan Saidina ‘Umar ؓ. Ini juga telah diberitahu oleh Rasulullah ﷺ bahawa Saidina ‘Umar ؓ adalah pintu yang menghalang kedatangan fitnah ke atas umat Islam.

Khilafah Saidina Uthman ؓ

Saidina ‘Uthman ؓ kemudiannya diangkat menjadi Khalifah selepas Saidina ‘Umar bin Al-Khattab ؓ melalui pemilihan majlis Shura. Khilafah Saidina ‘Uthman ؓ berterusan selama dua belas (12) tahun. Di antara perkara penting yang dilakukan beliau ialah menghimpunkan Al-Qur’an di atas satu rasm dan memperluaskan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi. Pada separuh kedua Khilafah beliau, peristiwa fitnah mula timbul sehingga membawa kepada kesyahidan beliau.

Kemunculan ‘Abdullāh bin Saba’

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan timbulnya fitnah di zaman beliau. Di antara faktor utamanya ialah kemunculan ‘Abdullah bin

Saba', seorang Yahudi yang memeluk agama Islam dengan tujuan membawa fitnah. Dia adalah orang yang bertanggungjawab menyalakan api fitnah terhadap Saidina 'Uthman رضي الله عنه, mendakwa Saidina 'Ali رضي الله عنه sebagai pemegang wasiat Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan bersifat ketuhanan serta memulakan cacian terhadap Saidina Abu Bakar رضي الله عنه, Saidina 'Umar رضي الله عنه, Saidatina 'Ā'ishah رضي الله عنها dan para Sahabat رضي الله عنهم yang lain. Dia disebut sebagai punca kepada Syiah dan perang Jamal.

Pada awalnya terdapat beberapa aduan yang dibuat terhadap beberapa wakil di dalam pemerintahannya. Kemudian, fitnah mula merebak ke atas dirinya. Golongan yang mengepung Saidina 'Uthman رضي الله عنه dan membuat fitnah bahawa Saidina 'Uthman رضي الله عنه mahu membunuh mereka sedangkan beliau telah pun berjanji untuk memberi keamanan kepada mereka. Mereka juga mendesak Saidina 'Uthman رضي الله عنه supaya melepaskan jawatan Khalifah. Mereka juga menuduh Saidina 'Uthman رضي الله عنه telah memalsukan Al-Quran dan mengamalkan nepotisme di dalam Khilafah beliau. Namun Saidina 'Uthman رضي الله عنه sendiri melarang para Sahabat yang lain untuk mengangkat pedang mereka terhadap golongan ini. Bahkan, hakikat ini telah diberitahu oleh Rasulullah صلى الله عليه وسلم kepada beliau bahawa ketika beliau menjawat jawatan Khalifah, akan ada golongan yang mendesak beliau untuk melepaskan jawatan Khalifah, namun beliau diperintahkan untuk tidak melepaskannya.

Pembunuhan Saidina 'Uthman رضي الله عنه: Al-Fitnah Al-'Ula

Beliau telah dibunuh oleh golongan pemberontak ini - disebabkan fitnah yang dilemparkan terhadap beliau - pada hari Jumaat, 12 Zulhijjah 35 Hijrah ketika beliau berumur lapan puluh dua (82) tahun (al-Buti Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah ma'a Mujaz li Tarikh al-Khilafah al-Rashidah). Peristiwa ini dikenali sebagai "Al-Fitnah Al-'Ula" atau

“Fitnah Pertama” kerana beliau dibunuh oleh golongan umat Islam sendiri yang terhasut oleh fitnah.

Khilafah Saidina ‘Ali ﷺ

Dengan kewafatan Saidina ‘Uthman ﷺ, api fitnah di dalam umat Islam semakin merebak. Para Sahabat ﷺ daripada kalangan ahli Badar telah memberi bay’ah kepada Saidina ‘Ali ﷺ sebagai Khalifah setelah kewafatan Saidina Uthman ﷺ pada pertengahan bulan Zulhijjah tahun 35 Hijrah. Namun begitu, terdapat sebahagian para Sahabat yang belum memberi bay’ah kepada beliau seperti Saidina Sa’d bin Abu Waqqāṣ ﷺ, Saidina Usamah bin Zayd رضي الله عنه, Saidina al-Mughirah bin Shu’bah ﷺ, Saidina al-Nu’man bin Bashir ﷺ dan Saidina Hassan bin Thabit ﷺ. (al-Buti Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah ma'a Mujaz li Tarikh al-Khilafah al-Rashidah) Apabila Saidina ‘Ali ﷺ dibay’ah menjadi khalifah, beliau mula memecat beberapa pemimpin yang menjadi punca fitnah pada zaman Saidina ‘Uthman ﷺ.

Peperangan Jamal

Saidina ‘Ali ﷺ tidak mengabaikan tanggungjawab untuk menangkap dan melakukan hukuman qisās ke atas pembunuh Saidina ‘Uthman ﷺ. Namun, beliau tidak mengambil sikap tergesa-gesa dalam perkara itu kerana terdapat beberapa perkara perlu dilakukan bagi memastikan perlaksanaanya kelak jauh dari fitnah. Namun sebahagian sahabat seperti Saidina Talhah ﷺ dan Saidina al-Zubayr ﷺ berpandangan bahawa hukuman atas pembunuh Saidina ‘Uthman ﷺ perlu dilakukan dengan segera bagi memastikan keamanan dan mengelakkan fitnah. Mereka juga menawarkan khidmat mereka kepada Saidina ‘Ali ﷺ untuk menangkap pembunuh tersebut bersama tentera dari Kufah dan

Basrah. Secara kesimpulannya, semua para Sahabat berijtihad dalam menyelesaikan jenayah pembunuhan ini.

Para Sahabat yang berpandangan bahawa hukuman atas pembunuh Saidina 'Uthman رضي الله عنه perlu disegerakan telah berkumpul di Basrah dan di kalangan mereka adalah Saidatina 'A'ishah رضي الله عنها, Saidina Talhah رضي الله عنه, Saidina al-Zubayr رضي الله عنه dan ramai daripada kalangan para Sahabat رضي الله عنهم. Tentera Saidina 'Ali رضي الله عنه juga bergerak ke sana untuk memperbaiki keadaan dan menyatukan umat serta tidak ada sebarang azam di kalangan mereka untuk berperang atau melakukan fitnah. Melalui wakil Saidina 'Ali رضي الله عنه iaitu al-Qa'qa' bin 'Amr yang bertemu dengan ketiga-tiga para Sahabat tersebut, akhirnya mereka semua bersetuju untuk menyerahkan urusan tersebut kepada Saidina 'Ali رضي الله عنه dan memberi masa yang cukup kepada beliau. *Ṣulḥ* telah tercapai dan diberitahu kepada orang ramai.

Persetujuan dan perdamaian ini mahu disabotaj oleh kepala-kepala fitnah seperti Al-Ashtar al-Nakha'i, Shurayh bin Awfa, Abdullah bin Saba' (Ibn al-Sawda'), Salim bin Tha'labah dan Ghulam bin al-Haytham. Pada awalnya, mereka bercadang untuk membunuh Saidina 'Ali رضي الله عنه. Namun 'Abdullah bin Saba' kemudian mencadangkan agar pertelingkahan sesama para Sahabat dinyalakan. Maka mereka – sekitar dua ribu (2,000) orang – pergi ke rombongan Saidina 'Ali رضي الله عنه dan juga Saidina Talhah رضي الله عنه sebelum Subuh dan menyerang mereka. Setiap pihak merasa terkejut dan menyangka mereka dikhianati oleh pihak yang lain. Mereka mula mengangkat pedang dan berhimpun. Tentera Saidina 'Ali رضي الله عنه sebanyak dua puluh ribu (20,000) orang dan tentera Saidatina 'A'ishah رضي الله عنها sebanyak tiga puluh ribu (30,000) orang. Pihak penyeru dari Saidina 'Ali رضي الله عنه melaungkan: "Cukup, cukup, jangan kalian berperang," , tetapi tidak diendahkan. Perang mula tercetus, tetapi para

Sahabat ﷺ daripada kedua-dua pihak tidak mampu mengangkat pedang sesama mereka. Saidina ‘Ali ﷺ sempat bertemu dengan Saidina al-Zubayr ﷺ. dan mengingatkan pesanan Rasulullah ﷺ kepadanya. Rasulullah ﷺ pernah bersabda kepada beliau:

يا زبير أما والله لتقاتلنه وأنت له ظالم

“Wahai Zubayr, Demi Allah, engkau pasti memeranginya (Saidina ‘Alī ﷺ) sedangkan engkau berada di kedudukan seorang zalim terhadapnya.”

Akhirnya Saidina al-Zubayr ﷺ keluar meninggalkan medan perang. Dan apabila khemah kecil (*hawdaj*) Saidina ‘A’ishah ﷺ jatuh dari untanya, Saidina ‘Ali ﷺ dan para Sahabat yang lain pergi menziarahinya, memberi salam kepadanya serta memastikan keselamatannya. Peperangan ini dinamakan perang Jamal kerana nisbah kepada unta yang dinaiki oleh Saidatina ‘A’ishah ﷺ. Ia berlaku pada tahun 36 Hijrah.

Peperangan Şifīn

Setelah itu Saidina ‘Ali ﷺ pulang ke Kufah yang dijadikan sebagai pusat Khilafahnya. Beliau kemudiannya, mengutuskan Jarir bin Abdullah al-Bajali kepada Saidina Mu’awiyah ﷺ di Syam untuk berbai’ah kepada beliau. Namun begitu Saidina Mu’awiyah ﷺ berpandangan bahawa bai’ah Saidina ‘Ali ﷺ masih belum sah kerana belum semua para Sahabat memberi bai’ah kepada beliau dan bai’ah tidak sah melainkan dengan bai’ah kesemua para Sahabat ﷺ. Beliau menolak jemputan bai’ah tersebut sehinggalah pembunuh-pembunuh Saidina ‘Uthman ﷺ dihukum dan setelah itu para Muslimin memilih pemimpin mereka. Saidina ‘Ali ﷺ berpandangan bahawa bai’ah


kepada beliau telah disepakati oleh penduduk Madinah dan ia perlu diikuti oleh kawasan-kawasan yang lain. Majoriti ulama' Ahli Sunnah dan Jama'ah menyatakan bahawa Saidina 'Ali ؑ adalah benar di dalam ijtihad beliau berbanding dengan ijtihad Saidina Mu'awiyah ؑ. Mereka berdua adalah sahabat Rasulullah ﷺ yang layak berijtihad dan kita menyebut kedua-dua mereka dengan kebaikan dan kita menyintai mereka berdua.

Perang Şifīn pula berlaku di antara ijtihad Saidina 'Ali ؑ dan ijtihad Saidina Mu'awiyah ؑ. Saidina 'Ali ؑ berpandangan bahawa Khilafah beliau adalah sebuah khilafah yang sah dan golongan yang ingkar adalah bughah. Maka Saidina 'Ali ؑ membawa tenteranya ke Nakhilah. Dan apabila mendengar hal itu, Saidina Mu'awiyah ؑ membawa tenteranya ke sana. Mereka berdua mula bertemu di Sifin tebing sungai Furat dan saling menghantar utusan berkenaan perbincangan isu bai'ah dan mencari pembunuh Saidina 'Uthman ؑ. Kemudian berlaku perjanjian keamanan di antara mereka sehinggalah tamat tempohnya, maka peperangan berlaku sehingga tentera Saidina Mu'awiyah ؑ hampir kalah. Kemudian Saidina Mu'awiyah menawarkan untuk berhukum dengan Al-Quran, namun Saidina 'Ali ؑ lebih cenderung untuk terus mengalahkannya. Namun begitu, Saidina 'Ali ؑ akur dengan cadangan tersebut kerana tekanan yang kuat daripada para pengikutnya.

Penubuhan Majlis Tahkim

Akhirnya satu Majlis Tahkim ditubuhkan dengan wakil daripada kedua-dua pihak iaitu Saidina Abu Musa al-Ash'ari ؑ dan Saidina 'Amr bin al-'As ؑ. Mereka membuat keputusan agar ditanggung keputusan tersebut ke bulan Ramadan di Dawmat/Dumat al-Jandal.

Gambar Rajah 2: Majlis Tahkim



Dengan berlakunya penentangan terhadap keputusan penubuhan Majlis Tahkim, maka lahirkan dua golongan terawal dari kumpulan ahli bid'ah iaitu Khawarij dan Syiah.

Fitnah Abdullah Bin Saba'

Fitnah 'Abdullah bin Saba' juga berterusan sehingga ke zaman Saidina 'Ali ؑ. Sebahagian mula mendakwa bahawa Saidina 'Ali ؑ adalah merupakan nabi yang asal dan Saidina Jibril ؑ tersilap memberi wahyu kepada Saidina Nabi Muhammad ؐ (Ghurābiyyah). Bahkan sebahagian mereka mula mendakwa ketuhanan kepada Saidina 'Ali ؑ. Saidina 'Ali ؑ telah berjaya menangkap sebahagian daripada mereka dan membakar mereka sebagai hukuman. Namun, 'Abdullah bin Saba' terlepas.

Kemunculan Khawarij Haruriyyah

Apabila Saidina 'Ali ؑ pulang dari Siffin, sebahagian pengikutnya mula mendakwa Majlis Tahkim adalah satu kesesatan, maka mereka mula keluar meninggalkan Saidina 'Ali ؑ dan menetap di Harura' (Haruriyyah). Jumlah mereka hampir dua belas ribu (12,000) orang. Saidina 'Ali r.a. telah mengutuskan Saidina 'Abdullah bin 'Abbas ؑ untuk memujuk dan berdebat dengan mereka.

Keputusan Majlis Tahkim

Dalam masa yang sama, Saidina 'Ali ؑ juga telah mengutuskan Saidina Abu Musa al-Ash'ari ؑ bersama sebahagian tenteranya ke Dawmat/Dumat al-Jandal. Akhirnya setelah Majlis Tahkim bersetuju memecat kedua-dua Saidina 'Ali ؑ dan Saidina Mu'awiyah ؑ, Saidina 'Amr ibn al-'As ؑ mula melantik Saidina Mu'awiyah ؑ sebagai Khalifah. Keputusan ini ditolak oleh Saidina 'Ali ؑ.

Peperangan Saidina 'Ali ؑ dengan Khawarij

Pada awalnya Saidina 'Ali ؑ menyiapkan tenteranya untuk menuju ke Syam bertemu Saidina Mu'awiyah ؑ, namun begitu telah sampai berita kekejaman golongan Khawarij kepada beliau. Beliau bimbang kekejaman golongan Khawarij akan merebak ke kawasan beliau sekiranya beliau pergi ke Syam. Maka, beliau pun mengarahkan tenteranya berperang dengan Khawarij dan mereka memenangi peperangan tersebut. Setelah itu, sebahagian penduduk Iraq mula berbeza pandangan dengan Saidina 'Ali ؑ dan mula memberi ketaatan kepada Saidina Mu'awiyah ؑ dengan berpegang kepada keputusan Majlis Tahkim.

Pembunuhan Saidina 'Ali ؑ

Saidina 'Ali ؑ dibunuh oleh salah seorang golongan Khawarij, yang dikenali sebagai 'Abd al-Rahman bin Muljam.

Khilafah Saidina Al-Hasan r.a.

Setelah kesyahidan Saidina 'Ali ؑ, Saidina al-Hasan ؑ diangkat menjadi Khalifah. Namun begitu, beliau kemudiannya menarik dirinya dari kedudukan sebagai Khalifah menandakan berakhirnya era al-

Khulafa' al-Rashidin. Rasulullah ﷺ bersabda (Aḥmad (241H): al-Musnad; al-Nasā'ī (303H): al-Sunan al-Kubrā; al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)):

الْخِلَافَةُ فِي أُمَّتِي ثَلَاثُونَ سَنَةً ثُمَّ مَلِكٌ بَعْدَ ذَلِكَ

“Khilafah [Nabawiyyah] pada umatku hanyalah dalam tempoh tiga puluh (30) tahun [selepas kewafatanku]. Kemudian, pemerintahan [Muslimin] selepas itu.”

Jadual 1: Khilafah Nabawiyyah Menurut Hadith Rasulullah ﷺ

| Bil. | Khilafah Nabawiyyah | Tempoh | |
|------|-----------------------------|----------|--------------------|
| | | | |
| 1 | Saidina Abu Bakar ﷺ | 2 tahun | 3 bulan |
| 2 | Saidina 'Umar ﷺ | 10 tahun | 6 bulan |
| 3 | Saidina 'Uthman ﷺ | 12 tahun | - |
| 4 | Saidina 'Ali ﷺ | 4 tahun | 9 bulan |
| 5 | Saidina Al-Hasan ﷺ (3H-49H) | - | 6 bulan |
| | Jumlah | 28 tahun | 24 bulan (2 tahun) |
| | | 30 tahun | |

Manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah

Dalam mendepani perbezaan pendapat di kalangan para Sahabat khususnya di antara Saidina 'Ali ﷺ dan Saidina Mu'awiyah ﷺ, ASWJ menyatakan bahawa kedua-dua mereka adalah sahabat Rasulullah ﷺ yang 'udūl (amanah lagi dipercayai). Mereka berdua adalah ahli *ijtihad* dan *ijtihad* mereka adalah untuk mencari kebenaran dan bukannya keduniaan. *Ijtihad* yang tepat dari kalangan mereka diganjar dengan dua pahala dan *ijtihad* yang kurang tepat diganjar dengan satu pahala; kedua-duanya mendapat pahala di sisi Allah. Dan majoriti ulama' ASWJ berpandangan bahawa *ijtihad* Saidina 'Ali ﷺ lebih tepat berbanding *ijtihad* Saidina Mu'awiyah ﷺ. Semoga Allah meredai

mereka berdua dan para Sahabat yang lain serta umat Islam yang mengikut *ijtihad* mereka berdua.

PERPECAHAN UMAT DENGAN KEMUNCULAN KELOMPOK BID'AH YANG TERAWAL DI AKHIR ZAMAN PARA SAHABAT DAN SETERUSNYA

Kemunculan Golongan Khawarij (Haruriyyah) – Kelompok Bid'ah Pertama dan Peperangan Nahrawan

Khawarij adalah merupakan golongan ahli bid'ah yang pertama muncul di dalam sejarah umat Islam. Al-Imam al-Hafiz Ibnu Kathir menyebut di dalam Tafsirnya (Juzuk 1, Surah Ali 'Imran, ayat 7-9) :

فَإِنَّ أَوَّلَ بَدْعَةٍ وَقَعَتْ فِي الْإِسْلَامِ فِتْنَةُ الْخَوَارِجِ

“Maka sesungguhnya bid'ah yang pertama berlaku di dalam Islam adalah fitnah Khawarij.”

Khawarij mula muncul kerana sebahagian pengikut Saidina 'Ali ؑ tidak bersetuju dengan penubuhan Majlis Tahkim. Pada awalnya, mereka cuba memujuk Saidina 'Ali ؑ untuk menarik diri daripada Majlis Tahkim dan meneruskan peperangan dengan Saidina Mu'awiyah ؑ tetapi tidak berjaya. Saidina 'Ali ؑ juga cuba memujuk mereka tetapi tidak berjaya. Akhirnya mereka menarik diri dari memberi ketaatan kepada Saidina 'Ali ؑ dan melantik Ma'dan al-Iyadi sebagai pemimpin mereka. Setelah itu mereka memecatnya dan menggantikannya dengan Abdullah bin Wahb al-Rāsibī. Al-Rāsibī mengetuai tentera Khawarij Haruriyyah ke peperangan Nahrawan dan berperang dengan tentera Saidina 'Ali ؑ. Akhirnya, mereka dikalahkan oleh tentera Saidina 'Ali ؑ. Syiar mereka ketika itu ialah:

لا حكم إلا حكم الله / الله

“Tiada hukum melainkan hukum Allah/ bagi Allah”.

Khawārij Ḥarūriyyah juga dikenali sebagai “Ahl al-Nahrawān”, “al-Muḥakkimah,” “al-Nawāṣib” dan “al-Wa‘īdiyyah.” Antara kelompok Khawarij lain yang terawal adalah Azāriqah dan Ibādiyyah.

Kemunculan Golongan Syiah

Golongan ekstrim Syiah (*ghulat*) pula muncul dengan fitnah yang dibawa oleh seorang Yahudi Yaman yang berpura-pura masuk Islam bernama ‘Abdullah bin Saba’ al-Himyari sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Dia mendakwa Saidina ‘Ali عليه السلام belum meninggal dunia dan akan kembali semula (*raj’ah*). Golongan Syiah pula muncul sebagai pendukung yang ekstrim bagi Saidina ‘Ali عليه السلام dan anak-anak serta keturunan beliau dan memusuhi para Sahabat yang lain melainkan sebahagian kecil sahaja. Golongan yang ekstrim dari kalangan mereka juga dikenali sebagai Rāfiḍah. Golongan Syiah menganggap Khilafah Umawiyah sebagai satu rampasan kuasa daripada Saidina al-Hasan عليه السلام dan Saidina al-Husayn عليه السلام.

Fitnah Karbala’ dan Pembunuhan Saidina al-Husayn r.a. (w.61H)

Setelah penurunan Saidina al-Hasan عليه السلام dari kedudukan Khilafah agar perdamaian sesama umat Islam berlaku dengan baik, golongan Syiah menjangkakan Saidina Mu’awiyah عليه السلام akan menyerahkan Khilafah kepada Saidina al-Husayn عليه السلام. Mereka cuba membuat helah dan memujuk Saidina al-Husayn عليه السلام naik menjadi Khalifah. Perkara ini akhirnya membawa kepada kesyahidan Saidina al-Husayn عليه السلام di Karbala’, Iraq pada zaman Khalifah Yazid bin Saidina Mu’awiyah عليه السلام,

tahun 61 Hijrah, 10 Muharram. Pembunuhan Saidina al-Husayn ﷺ telah menyebabkan berlakunya beberapa pemberontakan dan peperangan selepas itu.

Kemunculan Qadariyyah

Kelompok Qadariyyah mula muncul melalui Ma'bad al-Juhani al-Basri di Basrah pada akhir zaman para Sahabat ﷺ. Para sahabat yang menolak aqidah mereka adalah seperti Saidina 'Abdullah bin 'Umar رضي الله عنه, Saidina Abu Hurayrah رضي الله عنه, Saidina Abdullah bin 'Abbas رضي الله عنه, Saidina Anas bin Malik رضي الله عنه dan lain-lain. Kemudian, Ghaylan al-Dimashqi al-Qadari menzahirkannya dan menyebarkannya pada awal era 'Umar bin Abd al-'Aziz. Ma'bad al-Juhani dikatakan mengambil pemikiran Qadariyyah daripada seorang Nasrani (Abu Yunus al-Aswari) yang memeluk Islam dan kemudiannya murtad semula. Khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan mengarahkan Ma'bad dihukum dengan dengan dipalang di Damsyiq. Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz pula mengarahkan Ghaylan untuk bertaubat sehingga dia bertaubat pada zaman khilafahnya. Setelah kewafatan Umar bin Abd al-Aziz, Ghaylan kepada kepada bid'ah Qadariyyahnya, lalu Khalifah Hisham bin Abd al-Malik menangkapnya dan meletakkannya di palang.

Kemunculan Murji'ah

Bid'ah Murji'ah juga muncul pada akhir zaman para Sahabat ﷺ. Dari sudut istilahnya yang lebih tepat, ia merujuk kepada pandangan yang menyatakan bahawa Iman adalah perkataan tanpa amalan atau pengetahuan semata-mata dan ia tidak bertambah dan tidak berkurang. Ia mula ditimbulkan oleh al-Jahm bin Safwan.

Kemunculan al-Mu'attilah dan al-Jahmiyyah (w.128H)

Selain daripada pemikiran Irja' atau Murji'ah, Jahm bin Safwan juga membawa fahaman Ta'til yang menafikan sifat bagi Allah. Beliau mengambil fahamannya ini dari al-Ja'd bin Dirham. Mereka mula muncul selepas kewafatan Saidina 'Umar Bin 'Abd al-Aziz.

Al-Ja'd bin Dirham inilah yang membawa fahaman melampau sehingga menafikan sifat bagi Allah, ajaran Ta'til. Dengan kefahaman ini, dia mula mendakwa Al-Quran sebagai makhluk. Dia juga mendakwa Allah tidak memuliakan Nabi Ibrahim عليه السلام sebagai *khalilullah* dan Allah tidak berkata-kata dengan Nabi Musa عليه السلام dan perkara itu tidak harus bagi Allah (al-Dzahabī (748H): Siyar A'lām al-Nubalā'). Sebahagian ulama' menyatakan dia sebagai seorang zindiq.

Sebahagian riwayat menyatakan Al-Ja'd bin Dirham mengambil pandangan Al-Quran adalah makhluk daripada Aban bin Sam'an. Dan Abban ibn Sam'an pula mengambilnya daripada Talut bin Ukht (saudara perempuan) Labid bin Al-A'sam, dan Talut mengambilnya dari bapa saudara sebelah ibunya iaitu Labid bin al-A'sam al-Yahudi (Ibn Kathir (774H): al-Bidayah wa al-Nihayah). Al-Ja'd bin Dirham akhirnya ditangkap oleh Khalid bin Abdullah al-Qasri (Dawlah Umawiyah) dan dihukum bunuh pada hari raya Aidil Adha tahun 105 Hijrah.

Jahmiyyah adalah kelompok yang dinisbahkan kepada al-Jahm Bin Safwan. Kelompok Jahmiyyah bukan sahaja menafikan sifat bagi Allah serta mengatakan Al-Quran sebagai makhluk, mereka juga menyatakan bahawa Allah itu berada di semua tempat dengan zat-Nya (Ibn Kathir (774H): al-Bidayah wa al-Nihayah). Al-Jahm menyebarkan fahamannya di Tirmidz dan bandar-bandar Khurasan setelah dihalau

ke sana. Beliau akhirnya dibunuh kerana menyertai pemberontakan terhadap Dawlah Umawiyah pada tahun 128 Hijrah.

Kemunculan Jabariyyah

Kesesatan Jabariyyah juga dimulakan oleh al-Jahm bin Safwan dari Khurasan. Fahaman ini menyatakan manusia tidak mempunyai sebarang usaha atau kasab, semuanya dipaksakan ke atasnya oleh Tuhannya. Apabila mereka melakukan dosa, mereka berkata: Kita ini hanya umpama bulu atau ranting kayu, ke mana ditiup angin, ke sanalah kita akan pergi (Said Ibrahim (1923M-2001M): Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam (Jawi)).

Kemunculan Mushabbihah, Mujassimmah dan Hashwiyyah

Ajaran Tajsim dan Tashbih pada asalnya telah merosakkan golongan Yahudi dan Nasrani. Dan fahaman ini juga mula meresap ke dalam sebahagian umat Islam melalui beberapa kelompok. Imam Fakhr al-Din al-Razi menyebut: Golongan Mushabbihah itu dua golongan. Pertama, mereka adalah golongan Rafidah daripada Syiah, dan kedua mereka adalah Hashwiyyah daripada ahli hadith yang berpegang dengan makna zahir hadith mutashabihat yang memberi sangkaan Tashbih.

Golongan pertama adalah seperti Hisham Ibn al-Hakam (al-Hishamiyyah) dan kelompok kedua adalah seperti Abdullah Bin Muhammad Bin Kullab/Kilab. Menurut Imam Taqiyy al-Din al-Hisni, pada akhir kurun pertama telah muncul seorang bernama al-Mughirah bin Sa'd yang merupakan seorang ahli sihir. Dia menghimpunkam di antara ajaran ilhad dan tajsim. Dia menyatakan bahawa Tuhannya itu

berupa manusia yang mempunyai mahkota di atas kepalanya, anggotanya sebanyak huruj hija'iyah. Dia juga mentafsirkan Al-Quran dengan tujuan mencela Saidina Abu Bakar r.a. dan Saidina 'Umar r.a. Dia juga mengkafirkan seluruh para sahabat kecuali yang teguh bersama Saidina 'Ali r.a. (Taqiyy al-Din al-Hisni Daf' Shubah Man Shabbah wa Tamarrad wa Nasab Dhalik ila al-Imam Ahmad Ibn Hanbal). Di antara kelompok Mushabbihah yang awal ialah Karrāmiyyah, Hishamiyyah, Mughiriyyah dan lain-lain.

Imam Abu Hanifah menyatakan bahawa Muqātil bin Sulayman (w.150H) adalah di antara penyebar utama fahaman Tajsim dan Tashbih. Beliau berkata:

أتانا من المشرق رأيان خبيثان: جهم معطل، ومقاتل مشبه

“Telah datang kepada kita dari timur, dua pandangan yang keji: [i] Jahm si mu‘aṭṭil dan Muqātil si Mushābbih.”

Dan riwayat lain beliau berkata:

كلاهما مفرط، أفرك جهم حتى قال: إنه ليس بشيء؛ وأفرط مقاتل حتى جعل الله مثل خلقه.

“Kedua-dua mereka adalah pelampau. Si Jahm melampau [dalam penafian sifat Allah] sehingga dia berkata: “Dia (Allah) tidak mempunyai apa-apa.” Dan Si Muqātil pula melampau [dalam mengithbatkan sifat Allah] sehingga dia menjadikan Allah itu seperti makhluk-Nya.”

Pendekatan golongan *mushabbihah* dan *mujassimah* dalam memahami nas-nas mutasyabihat secara literal telah membawa kepada implikasi yang serius dan fatal terhadap akidah sebahagian umat Islam. Berdasarkan analisa terperinci, terdapat enam (6) iktikad

utama bagi golongan *mushabbihah* dan *mujassimah* yang berpegang dengan makna zahir (*ẓannī* atau *wahmī*, lagi tidak *qaṭʿī*) nas-nas mutasyabihat dari Al-Quran dan Al-Sunnah, iaitu mereka beriktikad bahawa Allah itu bertempat, beranggota, bersaiz, berpihak atau mempunyai arah dan bergerak dan berpindah-pindah tempat serta kalam-Nya mempunyai suara dan berhuruf.

Jadual 2: Enam (6) Iktikad Menyeleweng Golongan Mujassimah dan Mushabbihah Berkenaan Sifat-sifat Allah

| | | |
|----|-------------------------------|--|
| 1. | Bertempat | Namun mereka dilihat keliru dalam menetapkan tempat (<i>makān</i>) bagi Allah, sama ada di arash, langit atau makan <i>'adami</i> , atau berpindah-pindah di antara arash dan langit. |
| 2. | Beranggota | Mereka mendakwa bahawa Allah itu mempunyai anggota seperti muka, tangan, kaki, jari jemari dan betis. |
| 3. | Bersaiz | Mereka menyangka Allah itu mempunyai had atau batasan; dan Allah itu paling besar pada had atau batasan atau saiz. |
| 4. | Berpihak atau mempunyai arah | Mereka berpandangan bahawa Allah mempunyai arah (<i>jihah</i>): semua arah; atau aras atas (<i>'uluww</i>) sahaja dan arah atas ini boleh ditunjuk dengan jari. |
| 5. | Bergerak dan berpindah-pindah | Mereka berpandangan Allah itu boleh turun dan naik; datang dan pergi; berpindah-pindah tempat dan seumpamanya. Ini juga berkaitan dengan akidah Tuhan bertempat yang dipegang oleh mereka. |
| 6. | Bersuara dan berhuruf | Mereka berpandangan bahawa kalam Allah [yang azali atau nafsi] itu mempunyai suara (<i>ṣawt</i>) dan berhuruf. |

Keenam-enam iktikad yang menyeleweng berkenaan sifat-sifat Allah di atas adalah berpunca daripada:

- penyakit *zaygh* (cenderung kepada kesesatan) di dalam hati mereka seperti mana yang disebut oleh Al-Quran,

- kejahilan dan kelemahan mereka berkenaan bahasa Arab yang fasih,
- kegagalan mereka meletakkan nas muḥkamāt sebagai prinsip asas memahami mutashābihat; serta
- salah faham mereka berkenaan adab-adab para Salafus Soleh terhadap nas-nas mutashābihat.

Al-Allamah al-Mudaqqiq al-Muhaddith al-Faqih al-Sufi al-Ustadz al-Shaykh Salamah al-‘Azzami al-Quda’i al-Shafi’i (w.1376H) menyebut di dalam kitabnya “al-Barahin al-Sati‘ah”, p. 211-212:

اعلم زادك الله بصيرة في دينك أن هذه البدعة من أخبث المعتقدات
وأشدها فتكا بالإيمان الصحيح وأبعدها عما جاء به سيد المرسلين وسائر
النبيين عليه وعليهم الصلاة والسلام وأكثرها مجافاة للعقول الناضجة ،
وأدخلها في الآراء الضعيفة المستهجنة ، وأنها الطريق النافذة إلى الوثنية إن
لم تكن عينها والمهارة الموصلة لمن زلق فيها إلى الشرك والكفر ، عياذا
بالله عز وجل ،

“Ketahuilah olehmu – semoga Allah menambah bagimu *baṣīrah* (kefahaman) di dalam agamamu – bahawa sesungguhnya bid’ah (Tajsim dan Tashbih) ini adalah daripada:

- iktiqad yang paling buruk; dan
- paling kuat (ampuh) bagi merosakkan iman yang sahih; dan
- paling jauh daripada agama yang dibawa oleh penghulu para Rasul dan seluruh para Nabi ﷺ; dan
- yang paling jauh daripada akal yang matang; dan
- paling menjerumuskan seseorang ke dalam pandangan yang lemah lagi keji; dan

- sesungguhnya ia merupakan tingkap kepada pemberhalaan walaupun tidak seperti hakikatnya; dan
- tempat kejatuhan/hawa nafsu yang menyampaikan seseorang kepada syirik dan kekufuran.

Kita memohon perlindungan dengan Allah ﷻ.”

وأول السابقين إليها من أهل الكتب المنزلة اليهود - خذلهم الله - ومن قال بها من المنسويين للإسلام كالكرامية وحشوية المحدثين وجملة الرواة فقد ضرب بسهم وافر مما عليه اليهود شعر أو لم يشعر،

“Dan golongan yang pertama sekali terjebak dengannya dari kalangan umat yang diturunkan kitab kepadanya adalah Yahudi – semoga Allah menghinakan mereka – dan orang-orang yang beriktihad dengannya daripada kalangan mereka yang dinisbahkan kepada Islam adalah seperti Karramiyyah, Hashwiyyah dari kalangan ahli hadith, dan perawi-perawi hadith yang jahil – sesungguhnya mereka telah mengambil bahagian yang banyak dalam perkara ini daripada Yahudi, sama ada mereka sedar atau tidak.”

Rujukan: (Salamah al-'Azzami (1376H): al-Barahin al-Sati'ah fi Radd Ba'd al-Bida' al-Sha'i'ah), muka surat: 211-212.

Fitnah Muktazilah (Al-Wasiliyyah)

Fahaman Muktazilah mula muncul sebagai mazhab pemikiran pada zaman Wasil bin 'Ata'. Namun begitu, kandungan pemikirannya boleh dikaitkan lebih awal lagi dengan al-Ja'd bin Dirham dan muridnya Jahm bin Safwan serta Ma'bad al-Juhani dan muridnya Ghaylan al-Dimashqi al-Qadari.

Wasil bin 'Ata' pada asalnya adalah merupakan murid kepada Imam al-Hasan al-Basri. Dia kemudian meminggirkan dirinya daripada majlis Imam al-Hasan al-Basri setelah dia menyuarakan pandangannya bahawa pelaku dosa besar itu berada di antara dua kedudukan dan ia akan kekal di dalam neraka jika tidak bertaubat sebelum mati. Dia hidup pada zaman Khilafah 'Abd al-Malik ibn Marwan dan Hisham bin 'Abd al-Malik. Fitnah Muktazilah mula muncul pada akhir zaman Khilafah Umawiyah dan bertambah kuat pada Khilafah 'Abbasiyyah dengan sokongan daripada sebahagian pemerintahnya.

Fitnah “Kalam” (*Mihnah Khalq al-Qur'an*) oleh Muktazilah

Di antara fitnah terbesar yang pernah melanda umat Islam ialah fitnah “Khalq al-Qur'an” yang dibawa oleh golongan Muktazilah. Para pemerintah yang terpengaruh dengan doktrin ini mula mewajibkan agar umat Islam menerima doktrin mereka bahawa “Al-Qur'an adalah makhluk.” Umat Islam, khususnya para ulama' yang tidak menerima doktrin ini dituduh sebagai kafir dan ditangkap, dipenjaran, diseksa dan dibunuh. Fitnah ini melanda umat Islam bermula pada akhir Khilafah Al-Ma'mun (198H-218H), iaitu pada tahun 218H. Ia berlanjutan sekitar 15 tahun di bawah zaman pemerintahan Khalifah Ma'mun, Khalifah al-Mu'tasim billah (218H-227H), dan Khalifah Al-Wathiq billah (227H-232H).

Keteguhan Imam Ahmad Bin Hanbal

Dalam menghadapi fitnah besar kaum Muktazilah yang didukung oleh beberapa pemerintah Bani 'Abbasiyyah yang mewajibkan umat dan ulama' Islam menerima aqidah sesat “Al-Qur'an (Kalamullah) adalah makhluk”, Imam Ahmad Bin Hanbal telah berdiri teguh selama belasan

tahun. Beliau telah dipenjara sekitar dua tahun setengah, diseksa dan disebat dengan cemeti pada era al-Mu'tasim selepas kewafatan al-Ma'mun. Kemudian, beliau dibenarkan pulang ke rumahnya dan kekal di rumah sepanjang pemerintahan al-Mu'tasim dan al-Wathiq.

Manhaj Imam Ahmad Bin Hanbal juga dikenali sebagai manhaj Al-Athari. Ia adalah manhaj yang banyak bergantung dan berpegang dengan aspek naqli. Manhaj Athari tidak menolak takwil tafsili secara total kerana Imam Ahmad Bin Hanbal sendiri dinukilkan melakukan takwil tafsili bagi beberapa nas mutashabihat berkenaan *maji'* dan lain-lain. Tetapi manhaj ini menggunakan kaedah takwil tafsili dengan kadar yang sangat minimum.

Khalifah Al-Mutawakkil Pada 232H Memadam Fitnah Khalq Al-Qur'an

Fitnah Khalq Al-Qur'an mula beransur hilang dengan kemunculan Khalifah Al-Mutawakkil (Ja'far) bin Al-Mu'tasim bin Harun al-Rashid. Beliau adalah Khalifah 'Abbasiyyah yang kesepuluh dan ke-19 bagi umat Islam. Beliau adalah Khalifah 'Abbasiyyah pertama yang berpegang dengan mazhab Shafie. Beliau dibay'ah menjadi Khalifah pada bulan Zul Hijjah 232H. Beliau telah menukar jawatan-jawatan agama dari dominasi golongan Muktazilah kepada ulama' ASWJ.

Kemunculan Najjariyyah

Najjariyyah adalah pengikut al-Husayn bin Muhammad bin Abdullah al-Najjar yang wafat pada 220 Hijrah. Dia hidup pada pemerintahan al-Ma'mun di sekitar tahun 198H sehingga 218H. Pada awalnya, dia adalah murid kepada seorang Muktazilah yang bernama Bishr al-Muraysi. Aqidahnya sering berubah-ubah pada awalnya sehinggalah

dia membina mazhabnya sendiri. Najjariyyah menyatakan iman itu bertambah dan tidak berkurang; Allah berada di setiap tempat dengan zatnya; Allah tidak mempunyai sifat ma'ani; kalam Allah itu makhluk dan manusia itu dipaksa dan tidak mempunyai pilihan dan kekuatan. Tiga kelompok utama Najjariyyah kepada al-Burghuthiyyah, al-Za'faraniyyah dan al-Mustadrikah. Setiap pecahan mereka ini saling kafir mengkafirkan.

Kemunculan Karrāmiyyah (Mujassimah) dan Fitnahnya Yang Melanda Mazhab Hanbali

Ajaran Karrāmiyyah (Mujassimah) mula muncul pada separuh pertama daripada kurun ketiga Hijrah. Karrāmiyyah adalah sebuah mazhab Tajsim yang diasaskan oleh Muḥammad bin Karrām al-Sijistānī (MKS), juga dikenali sebagai Ibnu Karrām. Ibnu Karrām sempat hidup di zaman Imam Ahmad dan Imam Sufyan bin 'Uyaynah. MKS berlakun sebagai salah seorang pengikut mazhab Imam Ahmad sehingga dinilai sebagai *thiqah* oleh Sufyan bin 'Uyaynah. Namun, setelah kewafatan Imam Ahmad pada tahun 241 Hijrah, Ibnu Karram mula menyebarkan fahaman Tajsim dan Tashbih di kalangan pengikut Imam Ahmad sehingga mazhab Imam Ahmad terjejas dengan fitnah ini. (Taqiyy al-Din al-Hisni Daf' Shubah Man Shabbah wa Tamarrad wa Nasab Dhalik ila al-Imam Ahmad Ibn Hanbal). Hakikat ini telah diterangkan dengan jelas oleh al-Imam Taqiyy al-Din al-Hisni al-Shafi 'i (w.829H) di dalam kitabnya "Daf' Shubah Man Shabbah wa Tamarrad wa Nasab Dzālik ilā al-Sayyid al-Jalīl al-Imām Aḥmad"

Dia dan pengikutnya menggunakan helah dengan menzahirkan kesungguhan mendengar hadith. Mereka banyak menyebut hadith-hadith mutashabihat dan menghimpunkannya serta membacakannya

kepada masyarakat awam. Sebahagian ulama' yang mula sedar tentang muslihatnya mula berusaha sehingga dia dipenjarakan selama lapan tahun. Kemudian, para pengikutnya berjaya mengeluarkannya dari penjara dan dia kemudiannya pergi ke Syam dan akhirnya meninggal di sana. Para pengikutnya menzahirkan diri mereka dengan banyak beribadah dan zuhud. Dan sehingga munculnya golongan Hanabilah yang dipanggil oleh ulama' sebagai Ḥanābilah Mujassimah atau Hashwiyyah. Pengasas Karrāmiyyah ini juga telah menyebabkan penyerapan fitnah Tajsim ke dalam mazhab Hanbali. MKS (Ibnu Karram) wafat pada tahun 255 Hijrah.

Fitnah ini telah menjejaskan reputasi mazhab Hanbali dengan teruk. Hakikat ini telah disebut oleh salah seorang tokoh besar mazhab Hanbali iaitu al-Imām al-Hafiz Ibn al-Jawzi al-Hanbali (w597H) di dalam kitab beliau "*Daf' Shubah al-Tashbīh bi Akaff al-Tanzīh*" [Menolak Shubhat-shubhat Aqidah Tashbih dengan Sekuat-kuat Aqidah Tanzih].

Beliau menyebut (ms.10):

لَقَدْ كَسَيْتُمْ هَذَا الْمَذْهَبَ شَيْئًا قَبِيحًا، حَتَّى صَارَ لَا يُقَالُ عَنْ حَنْبَلٍ إِلَّا مُجَسِّمٌ

"Sesungguhnya kamu [wahai Hanabilah Mujassimah] telah memakaikan mazhab [Hanbali] ini dengan pakaian (reputasi) yang sangat jijik/kotor, sehingga tidak disebut tentang seorang yang bermazhab Hanbali melainkan sebagai *mujassim* (menjisimkan tuhan)."

Al-Imam Taj al-Din al-Subki (w771H) menyebut di dalam kitabnya "*Qā'idah fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*":

قَالَ بَعْضُ الْعَارِفِينَ - وَرَأَيْتُهُ بِخَطِّ الشَّيْخِ تَقِيِّ الدِّينِ بْنِ الصَّلَاحِ: إِمَامَانِ ابْتَلَاهُمَا
اللَّهُ بِأَصْحَابِهِمَا وَهُمَا بَرِيئَانِ مِنْهُمْ: أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ ابْنُ أَبِي بَلْتَعَةَ، وَجَعْفَرُ الصَّادِقُ
ابْنُ أَبِي بَلْتَعَةَ.

“Sebahagian para ‘*ārifīn* telah berkata – dan aku telah melihatnya dengan tulisan [Imam] Taqiyy al-Dīn Ibnu al-Ṣalāh -:

Dua orang Imam yang telah diuji/diibtilā’kan oleh Allah dengan [sebahagian] para pengikut mereka berdua, sedangkan mereka berdua bebas daripada [dakwaan] mereka:

[1] [Imam] Aḥmad bin Ḥanbal diuji dengan golongan *Mujassimah* (golongan yang menyifatkan Allah dengan sifat jisim seperti arah, tempat, saiz, suara, anggota, bergerak, berpindah dan lain-lain);

[2] dan [Imam] Ja‘far al-Ṣādiq diuji dengan kaum Rāfiḍah (kaum Syiah ekstrim yang menolak/ mencaci para Sahabat Rasulullah ﷺ).”

KELAHIRAN MADRASAH KULLĀBIYYAH DAN AL-MUḤĀSIBIYYAH SEBELUM DUA TOKOH BESAR ASWJ

Para ulama’ mengambil pelbagai pendekatan dalam mendepani golongan bid’ah. Secara umumnya, mereka menolak golongan ini, menyatakan kebatilan fahaman mereka, menghalau mereka dari majlis dan menasihatkan masyarakat awam agar menjauhkan diri daripada mereka.

Sebahagian para ulama’ telah bangkit untuk berdebat dan menolak kesesatan golongan ini seperti Saidina ‘Abdullah bin ‘Abbas r.a. yang berdebat dengan kelompok Khawarij Haruriyyah sehingga sebahagian daripada mereka kembali bertaubat. Imam Abu Hanifah

juga mengambil pendekatan berdebat dengan ahli-ahli bid'ah dari kalangan Qadariyyah.

Latar belakang Imam Ibnu Kullāb (241H)

Di antara ulama' Salafus Soleh ASWJ yang bangkit menentang golongan batil dengan hujah naqli dan aqli ialah Imam Ibnu Kullāb. Beliau ialah Abu Muhammad 'Abdullah bin Sa' id bin Kullab al-Qattan al-Basri. Beliau juga dikenali sebagai qudama' Al-Asha'irah kerana telah menggunakan hujah aqli dan naqli dalam mengkritik kelompok-kelompok bid'ah seperti golongan Muktazilah, Qadariyyah, Hashwiyyah, Mujassimah dan lain-lain. Beliau dikatakan wafat pada tahun 241H.

Imam Ibnu Kullāb diriwayatkan telah mengarang lebih dari dua ratus (200) buah kitab namun kebanyakan tidak sampai kepada kita. Di antara kitab-kitab beliau yang disebut oleh para ulama' ialah: [i] Khalq al-Af'āl, [ii] al-Radd 'alā al-Mu'tazilah, [iii] al-Radd 'alā al-Ḥashwiyyah, [iv] al-Ṣifāt dan [v] al-Tawḥīd.

Manhaj beliau di dalam akidah juga menjadi ikutan para ulama' ASWJ pada zaman beliau termasuk Imam al-Bukhārī (w.256H). Imam al-Ḥāfiẓ Ibnu Ḥajar al-'Asqalānī al-Shāfi'ī al-Ash'arī (w.852H) menyebut hakikat ini di dalam "Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī" (Jilid 1, muka surat:323):

... أن البخاري في جميع ما يورده من تفسير الغريب إنما ينقله عن أهل الفن كأبي عبيدة والنضر بن شميل والفراء وغيرهم، وأما المباحث الفقهية فغالبا مستمدة له من الشافعي وأبي عبيد وأمثالهما، وأما المسائل الكلامية فأكثرها من الكرابيسي وابن كلاب ونحوهما

“Sesungguhnya al-Bukhārī itu pada semua yang beliau datangkan berkenaan tafsir kalimah-kalimah yang gharīb (ganjil), maka beliau menukilkannya daripada Abū ‘Ubaydah, Naḍr bin Shumayl, al-Farrā’ dan selain mereka.

Dan manakala berkenaan dengan perbahasan fiqh pula, maka beliau mengambil kebanyakannya daripada al-Shāfi‘ī, Abū ‘Ubayd dan seumpama mereka berdua.

Dan manakala berkenaan dengan masalah-masalah kalāmiyyah (aqidah), maka kebanyakannya beliau ambil daripada al-Karābīsī, IBNU KULLĀB dan seumpama mereka berdua.”

Latar belakang Imam al-Ḥārith al-Muhasibi (170H-243H)

Di antara ulama’ Salafus Soleh ASWJ yang bangkit menentang kelompok ahli bid’ah yang muncul menggunakan hujah-hujah aqli dan naqli ialah Imam Al-Ḥārith Al-Muḥasibī. Nama penuh beliau ialah Al-Ḥārith bin Asad bin ‘Abdullah al-Muhasibi al-Basri. Kunyah beliau ialah Abu ‘Abdillah dan beliau dikenali sebagai al-Muhasibi kerana beliau sering memuhasabah diri beliau. Beliau berasal dari Basrah dan dilahirkan pada tahun 170 Hijrah dan wafat di Baghdad pada tahun 243 Hijrah. Beliau adalah seorang tokoh di dalam ilmu Tasawuf, Fiqh dan Kalam (Aqidah). Di dalam bidang aqidah, beliau telah bangkit menentang golongan Muktazilah dan Rafidah. Beliau juga dikenali sebagai qudama’ Al-Asha’irah.

KEMUNCULAN DUA TOKOH BESAR ASWJ

Kemunculan Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (260H – 324H) Sebagai Imam Ahli Sunnah dan Jama'ah

Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari ialah salah satu tokoh terpenting dalam mempertahankan ASWJ di waktu umat Islam berhadapan dengan pelbagai fitnah daripada pelbagai kelompok yang menyeleweng. Pada awalnya beliau dikatakan terpengaruh dengan pandangan Muktazilah melalui bapa tirinya Abu 'Ali al-Juba'i. Kemudian beliau mengisytiharkan taubat beliau dan bangun mempertahankan dan memperjelaskan aqidah ASWJ sehingga beliau digelar “Nasir al-Din”, “Nasir al-Sunnah”, “Imam al-Mutakallimin” dan “Imam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.” Beliau mengisytiharkan taubat ketika beliau berumur 40 tahun iaitu pada tahun 300 Hijrah dan seterusnya beliau berjuang menegakkan aqidah ASWJ sehingga beliau wafat pada tahun 324 Hijrah. Pada hari kewafatan beliau, disebut:

الْيَوْمَ مَاتَ نَاصِرُ السُّنَّةِ

“Pada hari ini, telah wafat “Pendukung Sunnah”.”

Beliau disebut telah mengarang hampir 300 buah kitab mengikut perkiraan al-Hāfiz Ibnu 'Asākir. Namun, tidak banyak yang sampai kepada kita dan diterbitkan. Beliau bangkit berdebat dan mengkritik golongan Muktazilah, Mujassimah, Hashwiyyah, Mulhidin dan lain-lain. Namun begitu, beliau jelas jauh dari bersikap takfir kepada ahli qiblah. Pegangan beliau ini telah dinukilkan oleh al-Imām al-Faqīh Zāhir bin Aḥmad al-Sarakhsī al-Shāfi'ī (294H-389H), Shaykh al-Qurrā' dan al-Muḥaddithīn di Khurāsān.

Al-Imām al-Bayhaqī berkata:

سمعت أبا حازم العبدوي، سمعت زاهر بن أحمد السرخسي يقول: لما قرب حضور أجل أبي الحسن الأشعري في داري ببغداد، دعاني فأتيته، فقال: اشهد علي أنني لا أكفر أحدا من أهل القبلة، لأن الكل يشيرون إلى معبود واحد، وإنما هذا كله اختلاف العبارات

“Aku telah mendengar Abū Ḥāzim al-‘Abdawī berkata: Aku telah mendengar Zāhir bin Aḥmad al-Sarakhsī berkata: Tatkala dekatnya kewafatan [al-Imām] Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī di rumahku di Baghdād, beliau memanggilkmu dan aku pun datang kepadanya. Beliau pun berkata:

“Bersaksilah bagiku bahawa sesungguhnya aku tidak mengkafirkan seorang pun daripada ahli qiblat, kerana semua mereka memberi isyarat kepada sembah (Tuhan) yang satu, dan ia hanyalah perbezaan ibarat di antara mereka.”

Aṣḥāb al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī

Di antara para ulama’ yang mengambil ilmu daripada al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī secara langsung dan menyebarkan manhaj beliau ialah:

[1] Al-Imām al-Shaykh Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Khafīf al-Shirāzī (w.371H) – “Shaykh Shīrāz”, “Shaykh al-Waqt Ḥalā wa ‘Amalā”.

[2] Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mutakallim Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad bin Ya‘qūb bin Mujāhid al-Ṭā‘ī (w.370H)

[3] Al-Imām al-Shaykh Abū al-Ḥasan al-Bāhili (w.>370H)

Murid beliau, al-Imām Abū Ishāq al-Shirāzī berkata:

كُنْتُ فِي جَنْبِ أَبِي الْحَسَنِ [الْبَاهِلِيِّ] كَقَطْرَةٍ فِي الْبَحْرِ، وَسَمِعْتُ الشَّيْخَ أَبَا الْحَسَنِ
الْبَاهِلِيَّ قَالَ: كُنْتُ أَنَا فِي جَنْبِ الشَّيْخِ الْأَشْعَرِيِّ كَقَطْرَةٍ فِي جَنْبِ الْبَحْرِ.

“[Perumpamaan] aku di sisi [al-Imām al-Shaykh] Abū al-Ḥasan [al-Bāhili, dari sudut ilmu] adalah seumpama setitis air berbanding sebuah lautan.

Dan aku telah mendengar [al-Imām] al-Shaykh Abū al-Ḥasan al-Bāhili berkata: “[Perumpamaan] aku ini di sisi [al-Imām] al-Shaykh [Abū al-Ḥasan] al-Ash‘arī adalah seumpama setitis air berbanding sebuah lautan.”

[4] Al-Imām Abū al-Ḥusayn Bundār bin al-Ḥusayn al-Shīrāzī al-Ṣūfī (w.353H) – Khādim Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī

[5] Al-Imām al-Qāḍī Abū Muḥammad ‘Abdullāh bin ‘Alī bin ‘Abdullāh al-Ṭabarī al-Shāfi‘ī, dikenali dengan “al-‘Irāqī” (w.359H)

[6] Al-Imām al-Faqīh al-Adīb Abū Bakr Muḥammad bin ‘Alī bin Ismā‘īl al-Qaffāl al-Shāshī (w.365H) – Ketua Ulama’ Shāfi‘iyyah di Bilād Mā Warā’ al-Nahr (al-Uksūs/ Oxus) (Transoxiana – Sebahagian dari Asia Tengah) di zamannya dan merupakan tokoh utama tersebarnya mazhab Syafie di benua ini.

[7] Al-Imām al-Faqīh al-Adīb al-Lughawī al-Naḥwī al-Shā‘ir al-Mutakallim al-Mufassir al-Muftī al-Ṣūfī al-Kātib al-‘Arūḍī Abū Sahl Muḥammad bin Sulaymān bin Muḥammad al-Ṣa‘lūkī al-Naysābūrī (w.369H)

[8] Al-Imām al-Faqīh al-Zāhid Abū Zayd Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abdullāh al-Marwazī al-Shāfi‘ī (w.371H)

[9] Al-Imām Abū Bakr Aḥmad bin Ibrāhīm bin Ismā‘īl al-Isma‘īlī (w.371H) (94 tahun)

[10] Al-Imām Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Maḥdī al-Ṭabarī (w.<380H)

[11] Al-Imām Abū Ja‘far Muḥammad bin Aḥmad bin al-‘Abbās al-Sulamī al-Baghdādī al-Naqqāsh (w.379H)

[12] Al-Imām al-Shaykh al-Mutakallim Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin al-Qāsim al-Shāfi‘ī al-Aṣḥānī (w.381H)

[13] Al-Imām al-Mutakallim Abū Muḥammad ‘Abd al-Wāḥid bin Aḥmad bin al-Qāsim bin Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Zuhrī al-Mudzakkir al-Ash‘arī (w.382H) – Beliau berpuasa sepanjang tahun dan mengkhatamkan Al-Quran sebanyak dua kali sehari.

[14] Al-Imām al-Faqīh Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Bukhārī al-Shāfi‘ī, dikenali dengan “Al-Awdanī” (w.385H) - Ketua Ulama’ Shāfi‘iyyah di Bilād Mā Warā’ al-Nahr (al-Uksūs/ Oxus) (Transoxiana – Sebahagian dari Asia Tengah) di zamannya. Beliau merupakan salah seorang mujtahid mazhab - aṣḥāb al-wujūh di dalam mazhab Syafie.

[15] Al-Imām al-Adīb al-Zāhid Abū Maṣṣūr Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Ḥamṣhād al-Naysābūrī (w.388H)

[16] Al-Imām Lisān al-Waqt Imām al-Mutakallimīn Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Aḥmad, dikenali dengan “Ibnu Sam‘ūn al-Wā‘iṣ” (w.387H) – Ulama’ besar yang masyhur dengan karāmah.

[17] Al-Imām al-Mutakallim Abū ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad bin Ismā‘īl bin Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Qaṭṭān al-Shurūṭī (w.389H)

[18] Al-Imām al-Muqri’ al-Faqīh al-Ḥāfiẓ al-Muḥaddith Abū ‘Alī Zāhir bin Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Īsā al-Sarakhsī (w.389H)

Kemunculan Imam Abu Mansur al-Maturidi al-Ansari (233-247H – 333H) Sebagai Imam Ahli Sunnah dan Jama'ah

Imam Abu Mansur al-Maturidi juga adalah amat sinonim dengan Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari sebagai Imam Ahli Sunnah dan Jama'ah. Nasab keturunannya bersambung sehingga kepada Saidina Abu Ayyub Al-Ansari r.a.. Beliau menurut manhaj Imam Abu Hanifah dan mengembangkannya. Oleh kerana itulah majoriti ulama' Hanafiyah berpegang dengan Maturidiyyah di dalam aqidah. Beliau digelar sebagai "Imam al-Huda", "Alam al-Huda", "Imam al-Mutakallimin", "Musahhah 'Aqa'id al-Muslimin", "Ra'is Ahl al-Sunnah", "Qudwah Ahl al-Sunnah wa al-Ihtida'", "Rafi' A'lam al-Sunnah wa al-Jama'ah", "Qali' Adalil al-Fitnah wa al-Bid'ah" dan "Shayk al-Islam".

Gelaran Imam Ahli Sunnah dan Jama'ah diberikan kepada kedua-dua tokoh ini oleh para ulama' kerana mereka berdua bukan sahaja menerangkan aqidah yang benar, tetapi mereka juga menerangkan kebatilan aqidah yang batil, menolak syubhat-syubhat yang ditimbulkan ahli bid'ah, berdebat dengan mereka sehingga zahirnya kebatilan aqidah mereka. Mereka juga menggabungkan dalil-dalil aqli dan naqli serta mengambil pendekatan perdebatan dan penulisan sehingga hancurnya fitnah-fitnah ini. Oleh kerana usaha mereka berdua yang signifikan di dalam perkara ini serta penerimaan manhaj mereka oleh majoriti para ulama' selepas mereka, maka istilah ASWJ merujuk kepada mereka berdua secara khusus.

Salah seorang daripada dua tunggak dan pentahqiq mazhab Shafie pada era *istiqrār* (peringkat keteguhan) mazhab Shafie iaitu Imam Shaykh al-Islam Shihab al-Din Ibn Hajar al-Haytami al-Makki (w.974H) menyebut di dalam *al-Zawājir 'an Iqtirāf al-Kabā'ir* (p: 82) berkata:

الْمُرَادُ بِالسُّنَّةِ: مَا عَلَيْهِ إِمَامَا أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ الشَّيْخُ أَبُو الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيُّ وَأَبُو
مَنْصُورِ الْمَاتُرِيدِيِّ

“Maksud yang dikehendaki dengan [ahli] Sunnah [Wal Jama’ah] adalah akidah yang dipegang oleh dua orang Imam Ahli Sunnah Wal Jama’ah iaitu: [i] [al-Imam] al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash’ari dan [ii] (al-Imam al-Shaykh) Abu Mansur al-Maturidi.”

Dan kemudian beliau menyatakan di dalam kitab yang sama dan di dalam kitabnya yang lain iaitu “*al-Ta’arruf fi al-Aslayn wa al-Tasawwuf*”:

مَنْ خَالَفَهُمَا فَهُوَ مُبْتَدِعٌ

“Barang siapa yang menyalahi mereka berdua (al-Imam Abu al-Hasan al-Ash’ari dan al-Imam Abu Mansur al-Maturidi), maka dia adalah seorang ahli bid’ah.”

ULAMA’ EMPAT MAZHAB FIQH UTAMA SUNNI DAN TOKOH ULAMA’ DALAM SEGENAP BIDANG SEBAGAI KESINAMBUNGAN MANHAJ ASWJ AL-ASHA’IRAH DAN AL-MATURIDIYYAH

Manhaj Imam Abu al-Hasan al-Ash’ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi kemudiannya telah didukung oleh para ulama’ besar selepas mereka dan tersebar ke seluruh dunia Islam.

Jadual di bawah menyenaraikan sebahagian para ulama’ yang utama bagi perkembangan kedua-dua mazhab ASWJ ini.

| Al-Ashā’irah | Al-Māturidiyyah |
|---|---|
| Al-Imam Abu Bakr al-Qaffal (w.365H) | Al-Imam al-Bazdawi (w.478H) |
| Al-Imam Abu al-Hasan al-Tabari (w.380H) | Al-Imam Abu al-Mu’in al-Nasafi (w.502H) |
| | Al-Imam Najm al-Din al-Nasafi (w.537) |

| | |
|--|---|
| Al-Imam al-Qadi Abu Bakr al-Baqillani (w.403H) Al-Imam Ibn Furak (w.406H) Al-Imam Abd al-Qahir al-Baghdadi (w.429H) Al-Imam Qushayri (w.465H) Al-Imam Abu Ishaq al-Shirazi (w.476H) Al-Imam Abu Ishaq al-Isfarayini (w.418H) Imam al-Haramayn Abu al-Ma'ali al-Juwayni (w.419H) Al-Imam Hujjat al-Islam Abu Hamid Muhammad al-Ghazali (w.505H) Al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (w.544H) Al-Imam Sultan al-'Ulama' 'Izz al-Din bin 'Abd al-Salam (w.660H) | Al-Imam Sa'd al-Din al-Taftazani Al-Imam Al-Kamal ibn al-Hummam (w.861H) Al-'Allamah Kamal al-Din Ahmad al-Bayadi Al-Shayk Al-'Allamah Muhammad Zahid al-Kawthari Madrasah Deobandi |
|--|---|

Bahkan sebahagian pemerintah Islam juga mengambil peranan dalam penyebaran mazhab ASWJ Al-Asha'irah dan Al-Maturidyyah seperti Ibnu Tūmart, Nur al-Din al-Zinki dan Salahuddin al-Ayyubi. Begitu, institusi-institusi ilmu penting dalam sejarah umat Islam seperti Madrasah Nizamiyyah, Dār al-Ḥadīth al-Nūriyyah, Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah, Universiti Al-Azhar, Universiti Qurawiyyin, Universiti Zaytunah, Madrasah Deoband dan lain-lain telah menyumbang kepada penyebarannya.

Al-'Asha'irah adalah Ilmuan Islam Sepanjang Zaman dalam Segenap Bidang Ilmu Islam

Mazhab ASWJ Al-Asha'irah dan Al-Maturidiyyah juga didukung oleh para ulama' Islam dalam segenap bidang. Al-Imam al-'Allamah al-Faqih al-Sufi Shaykh al-Islam Qutb al-Da'wah wa al-Irshad Abdullah

Bin 'Alawi al-Haddad (1044 - 1132H) berkata di dalam kitabnya "Nayl al-Maram Sharh 'Aqidat al-Islam", p.8:

(اعلم أن مذهب الأشاعرة في الاعتقاد هو ما كان عليه جماهير أمة الإسلام علمائها ودهماؤها، إذ المنتسبون إليهم والسالكون طريقهم كانوا أئمة أهل العلوم قاطبة على مرّ الأيام والسنين، وهم أئمة علم التوحيد والكلام والتفسير والقراءة والفقه وأصوله والحديث وفنونه والتصوف واللغة والتاريخ) اهـ.

"Ketahuilah olehmu bahawa sesungguhnya mazhab al-Asha'irah di dalam aqidah adalah merupakan pegangan majoriti umat Islam dari kalangan ulama'nya dan awamnya, lantaran orang-orang yang menisbahkan diri mereka kepadanya dan berjalan di atas jalanya adalah merupakan para ilmuan Islam keseluruhannya sepanjang zaman – dan mereka adalah para Imam di dalam ilmu Tauhid, Kalam, Tafsir, Qira'at al-Qur'an, Fiqh, Usul al-Fiqh, Hadith dan seni-seninya, Tasawwuf, Lughah (Bahasa Arab) dan Sejarah."

Al-Ashairah dan al-Maturidiah adalah Jaguh Para Ulama' dalam Semua Disiplin Ilmu-ilmu Islam

Al-Shaykh Dr. Nuh 'Ali Salman al-Qudah – Qadi al-Qudah (Ketua Hakim) dan Mufti Jordan yang paling berpengaruh dalam sejarahnya serta tokoh sarjana Muslim yang sangat disegani di Jordan menyebut:

ومن الجدير بالذكر أن جهابذة علماء المسلمين من محدثين ومفسرين وفقهاء وأصوليين ومتكلمين هم من الأشاعرة والماتريديه، فالمالكية والشافعية وكثير من الحنابلة – كابن الجوزي – أشاعرة، والحنفية ماتريديه، فماذا يقول يوم القيامة من سب هؤلاء وشتمهم وهو عالة عليهم في بقية علوم الشريعة؟

“Dan di antara perkara yang patut disebut ialah jaguh-jaguh ulama’ Muslimin daripada ulama’ hadith, ulama’ tafsir, ulama’ fiqh, ulama’ usul fiqh dan ulama’ akidah: mereka adalah daripada **Al-Asha’irah dan Al-Maturidiah**.

Ulama’ mazhab Maliki, ulama’ mazhab Syafie dan ramai daripada ulama’ mazhab Hanbali – seperti Ibnu al-Jawzi – adalah **Asha’irah** dan ulama’ mazhab Hanafi adalah **Maturidiah**.

Maka apakah yang akan dikatakan oleh golongan yang mencaci dan mencela mereka pada hari kiamat kelak, sedangkan dalam masa yang sama golongan tersebut bergantung kepada mereka (**Al-Asha’irah & Al-Maturidiah**) dalam ilmu-ilmu Shariah yang lain?...”

R: (al-Qudah (1432H): al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharat al-Tawhid), pp.9-10.

Ulama’ Empat Mazhab adalah ASWJ Al-Asha’irah dan Al-Maturiddiyah

Kedudukan al-Asha’irah sebagai majoriti ulama’ umat Islam khususnya majoriti ulama’ empat mazhab adalah amat diketahui dan diperakui kawan dan lawan. Tiada yang meragui hakikat ini melainkan seorang yang taksub atau jahil.

Al-Shaykh Prof. Dr. Muḥammad Ḥasan Hitū menyebut di dalam muqaddimah kitab “Ahl al-Sunnah al-Ashā’irah: Shahādat ‘Ulamā’ al-Ummah wa Adillatuhum”, muka surat: 7:

فالمالكية كلهم أشاعرة ... والشافعية كلهم أشاعرة ... والحنفية كلهم أشاعرة أو ماتريديية ولا خلاف بينهم ... وجملة كبيرة من أئمة الحنابلة المتقدمين من الأشاعرة، وهذا على الجملة.

“Maka ulama' mazhab Maliki kesemuanya adalah Asha'irah, dan ulama' mazhab Shafi'ie kesemuanya adalah Asha'irah, dan ulama' mazhab Hanafi kesemuanya adalah Asha'irah atau Maturidiyyah dan tidak ada perbezaan di antara mereka [pada hakikatnya], dan sebahagian besar daripada para imam dari kalangan ulama' mazhab Hanbali yang terdahulu adalah dari kalangan Asha'irah.

Dan ini adalah secara umum.”

(al-Sinan & al-'Anjari Ahl al-Sunnah al-Asha'irah: Shahadat 'Ulama' al-Ummah wa Adillatuhum), Bahagian Muqaddimah, p.7.

Siapakah Ahli Sunnah dan Jama'ah kalau bukan Al-Asha'irah dan Al-Maturidiyyah?

Al-Shaykh Prof. Dr. Muhammad Hasan Hito seterusnya menyebut p.7:

وأما على التفصيل فعظماء أمة محمد صلى الله عليه وسلم من الأشاعرة كالباقلائي، والقشيري، وأبي إسحاق الشيرازي، وأبي الوفاء بن عقيل الحنبلي، وأبي محمد الجويني، وولده أبي المعالي إمام الحرمين الجويني، وحجة الإسلام الغزالي، والقاضي أبي بكر ابن العربي، وفخر الدين الرازي، وابن عساكر، والعز بن عبد السلام، وأبناء الأثير، والرافعي، والنووي، والسبكي، وأولاده، والمزي، والعراقي، وابنا حجر - العسقلاني والهيتمي -، والسيوطي، وما لا يحصيه العد مما تنقطع بذكره الأنفاس ويضيق بعده القرطاس.

“Manakala secara terperinci pula [berkenaan Ahli Sunnah dan Jama’ah], maka tokoh-tokoh besar umat Nabi Muhammad ﷺ adalah terdiri daripada ulama’ Al-Asha’irah – seperti:

- [Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-4] al-Uṣūlī al-Mutakallim Shaykh al-Sunnah, Sayf al-Sunnah, Lisān al-Ummah al-Qāḍī Abū Bakr] al-Bāqillānī [al-Ash‘arī al-Mālikī] (w.403H),
- [Al-Imām Zayn al-Islām Imām al-Ṣūfiyyah ‘Abd al-Karīm Abū al-Qāsim] al-Qushayrī (w.465H),
- [Al-Imām Shaykh al-Shāfi‘iyyah Shaykh al-Dahr, Imām al-‘Aṣr, al-Shaykh Ibrāhīm] Abū Ishāq al-Shīrāzī (w.476H),
- [Al-Imām al-‘Allāmah al-Bāhr Shaykh al-Ḥanābilah ‘Alī] Abū al-Wafā’ bin ‘Aqīl al-Ḥanbalī (w.513H),
- [Al-Imām] Abu Muhammad [‘Abdullāh] al-Juwaynī [al-Shāfi‘ī] (w.438H), dan anaknya:
- [Al-Imām al-Faqīh al-Uṣūlī al-Mutakallim] Abū al-Ma‘ālī Imām al-Ḥaramayn [‘Abd al-Malik al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.478H),
- [Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-5]] Ḥujjat al-Islām [wa al-Muslimīn, Muftī al-Ummah, Sharaf al-A‘immah, Zayn al-Dīn, Abū Ḥāmid, Muḥammad] al-Ghazālī [al-Ṭūsī al-Naysābūrī al-Ṣūfī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.505H), [dan anak muridnya:]
- [Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mufassir Khitām ‘Ulama’ al-Andalus] al-Qāḍī Abū Bakr [Muḥammad] bin al-‘Arābī [al-Mālikī al-Ash‘arī] (w.543H),
- [Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-6] al-Mufassir al-Faqīh al-Uṣūlī Sulṭān al-Mutakallimīn Shaykh al-Ma‘qūl wa al-Manqūl

Muḥammad] Fakhr al-Dīn al-Rāzī [Ibnu Khaṭīb al-Rayy, al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.604/605/606H),

- [Al-Imām al-‘Allāmah al-Ḥāfiẓ Kabīr Muḥaddith al-Shām Abū al-Qāsim ‘Alī] Ibnu ‘Asakir [al-Dimashqī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.571H) [Shaykh Dār al-Ḥādīth al-Nūriyyah – Dār al-Ḥadīth pertama dalam dunia Islam),
- [Al-Imām al-‘Allāmah al-Faqīh al-Mujtahid al-Qādī Sulṭān al-‘Ulamā’, Bā‘ī al-Mulūk, Shaykh al-Islām] Al-‘Izz bin ‘Abd al-Salām [al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.660H),
- Anak-anak al-Athīr (al-Athīr al-Dīn) [yaitu tiga orang adik beradik yang merupakan ulama’ besar Islam pada kurun ke-6 Hijrah:
 - i. Al-Imām al-Muḥaddith al-Lughawī al-Uṣūlī Majd al-Dīn Abū al-Sa‘ādāt al-Mubārak al-Shāfi‘ī (w.606H), masyhur dikenali sebagai “Ibnu al-Athīr”,
 - ii. Al-Imām al-‘Allāmah al-Mu‘arrikh al-Shaykh al-Muḥaddith al-Adīb al-Nassābah ‘Izz al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Shāfi‘ī (w.630H), masyhur dikenali sebagai “Ibnu al-Athīr al-Jazarī”,
 - iii. Al-Imām Diyā’ al-Dīn Abū al-Faṭḥ Naṣrullāh (w.637H)], masyhur dikenali sebagai “Ibnu al-Athīr al-Kātib”]
- [Al-Imām al-‘Ālim al-‘Allāmah Shaykh al-Shāfi‘iyyah Imām al-Millah wa al-Dīn al-Mujtahid al-Muḥaqqiq al-Faqīh al-Uṣūlī al-Muḥaddith al-Mufassir al-Mu‘arrikh Abū al-Qāsim ‘Abd al-Karīm] al-Rāfi‘ī [al-Qazwīnī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.623H),
- [Al-Imām al-Zāhid al-Warī‘ Waliyyullāh Shaykh al-Islām Shaykh al-Shāfi‘iyyah al-Faqīh al-Muḥaddith al-Lughāwī

Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf] al-Nawawī [al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.676H),

- [Al-Imām al-Faqīh al-Ṣūfī al-Muḥaddith al-Ḥāfiẓ al-Mufasssir al-Muqri’ al-Uṣūlī al-Mutakallim al-Nāhwī al-Lughawī al-Adīb al-Ḥakīm al-Mantiqī al-Jadalī al-Khilāfī al-Nazzār Shaykh al-Islām Fakh al-‘Ulama’ Qāḍī al-Quḍāh Abū al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi] Taqiyy al-Dīn al-Subki al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.756H) dan anak-anaknya [yang paling masyhur daripada kalangan mereka ialah:
 - i. Al-Imām al-Faqīh al-Mu’arrikh Qāḍī al-Quḍāh Abū Naṣr Tāj al-Dīn al-Subkī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.771H)]
- [Al-Imām al-Ḥāfiẓ Muḥaddith al-Shām Jamāl al-Dīn Yūsuf] al-Mizzī [al-Shāfi‘ī] (w.742H),
- [Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-8] al-Ḥāfiẓ Shaykh al-Ḥadīth Zayn al-Dīn Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥīm] al-‘Irāqī [al-Shāfi‘ī] (w.806H),
- [Al-Imām al-Ḥāfiẓ Shaykh al-Islām Amīr al-Mu’minīn fī al-Ḥadīth Shihāb al-Dīn Aḥmad] Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī [al-Miṣrī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī] (w.852H),
- [Al-Imām al-‘Allāmah al-Baḥr al-Zākhir al-Faqīh al-Muḥaddith al-Mu’arrikh al-Mutakallim Shaykh al-Islām Khātimat al-Fuqahā’ wa al-Muḥaddithīn Shihāb al-Dīn Aḥmad] Ibnu Ḥajar al-Haytamī [al-Makkī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī al-Ṣūfī] (w.974H),
- [Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-9] al-Ḥāfiẓ al-Mufasssir al-Adīb al-Faqīh Jalāl al-Dīn Abū Bakr ‘Abd al-Raḥmān] al-Suyūṭī [al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī al-Shādzulī] (w.911H), [digelar dengan “Ibnu al-Kutub,”]

dan sebilangan besar yang tidak terhitung bilangannya, nafas tidak akan terputus dan kertas tidak akan mencukupi untuk menulis mereka satu-persatu.”

فإن كان كل هؤلاء ممن ذكرنا، وأضعافا مضاعفة ممن لم نذكر ليسوا من أهل السنه،
فمن هم أهل السنة في التاريخ؟

“Dan sekiranya setiap daripada mereka (para ulama’ besar Islam) yang telah kami sebutkan, dan berganda-ganda banyaknya lagi yang tidak kami sebutkan [di sini] bukanlah daripada Ahli Sunnah dan Jama’ah¹, maka siapakan Ahli Sunnah dan Jama’ah dalam sejarah [umat Islam]??!!.”

R: (al-Sinan & al-'Anjari Ahl al-Sunnah al-Asha'irah: Shahadat 'Ulama' al-Ummah wa Adillatuhum), Bahagian Muqaddimah, ms.7.

Pusat Iftā’ Umum Jordan: Al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah adalah Majoriti Umat Islam, Ulama’ Yang Berwibawa dan Pembawa Akidah Rasulullah ﷺ

Dā’irat al-Iftā’ al-‘Āmm (Pusat Iftā’ Umum), Jordan (2023, Edisi Ke-3) menyebut di dalam kitab “Aqīdat al-Muslim”, ms.74:

الأشاعرة هم جمهور المسلمين في شتى العصور ومختلفة الأزمنة، وكان علماءهم وفقهاؤهم أصحاب الدولة والمناصب العلية المرموقة، وهم الذين كانوا يتولون إنشاء المدارس، وتدوين العلوم وتدريسها للطلبة، وهم الذين كانوا يحافظون على أحكام الشريعة الإسلامية، ويدافعون عن الدين الإسلامي الحنيف، وكانوا مشهورين بالعدل والإنصاف.

¹ Seperti yang sering dituduh dan didakwa oleh golongan Wahhabi.

“Al-Ashā‘irah adalah merupakan majoriti umat Islam di seluruh masa dan sepanjang zaman. Para ulama’ dan fuqaha’ daripada kalangan mereka adalah para pemimpin negara Islam dan ilmuan berwibawa yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam ilmu lagi dihormati.

Mereka adalah para pemimpin dan ulama’ yang memainkan peranan dalam menubuhkan madrasah-madrasah [di dalam dunia Islam], dan mengarang [kitab-kitab dalam] pelbagai jenis bidang ilmu, serta mengajarkannya kepada para penuntut ilmu.

Dan mereka adalah [para pemimpin dan ulama’] yang memelihara hukum-hukum Syariat Islam serta mempertahankan agama Islam yang suci ini dan mereka begitu terkenal dengan keadilan dan kesaksamaan.”

Dan setelah menyenaraikan beberapa nama penting tokoh besar dunia Islam daripada kalangan ulama’ al-Ashā‘irah dan al-Māturidiyyah, Pusat Fatwa Umum Jordan (2023) menambah:

وبما سبق ذكره يتبين أنّ المذهبين الأشعريّ والماتريديّ يمثلان عقيدة الأمة سلفاً وخلفاً على مرّ القرون، وهي العقيدة المأخوذة عن النبيّ صلى الله عليه وسلم بواسطة الصحابة الكرام ثمّ بواسطة التابعين ثمّ من بعدهم، إلى أن وصلتنا صافيةً نقيّةً بيضاء، مؤيّدة بالأدلة القرآنيّة والنبويّة، العقليّة والنقليّة، ويستحيل أن يكون المذهب الأشعريّ، الذي شكل الحضارة الإسلاميّة وجعلها عظيمة على مرّ السنين مذهب أهل البدعة، كما يزعم بعض أهل الفرقة والتشتيت.

“Dan dengan senarai [nama ulama’ besar dunia Islam dalam pelbagai bidang ilmu: akidah, usul fiqh, tafsir al-Quran, hadith dan fiqh] yang telah dikemukakan sebelum ini, nyatalah bahawa

sesungguhnya mazhab al-Ash‘arī dan al-Māturīdī adalah merupakan representasi (pernyataan) bagi akidah umat Islam pada era Salaf dan Khalaf sepanjang zaman.

Dan ia adalah akidah yang diambil daripada Baginda Nabi ﷺ melalui para Sahabat رضي الله عنهم yang mulia, kemudian melalui para Tābi‘īn, dan kemudian melalui para ulama’ yang datang selepas mereka, sehinggalah sampai ia (akidah Rasulullah ﷺ) kepada kita dalam keadaan bersih dan putih [tanpa sebarang penyelewengan]; yang diperkuatkan dengan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah, aqli dan naqli.

Dan adalah mustahil untuk akidah mazhab al-Ash‘arī ini – yang telah membentuk ketamadunan Islam dan menjadikannya sebuah tamadun yang agung bertahun-tahun lamanya ini – merupakan mazhab ahli bid‘ah, sepertimana yang disangka oleh golongan yang membawa perpecahan dan perpisahan/ disintegrasi [di dalam umat Islam].”

Tokoh-tokoh Utama Ulama’ Al-Ashā‘irah di dalam Pelbagai Disiplin Penting Ilmu Syariah

Dā‘irat al-Iftā’ al-‘Āmm (Pusat Iftā’ Umum), Jordan (2023) turut menyenaraikan tokoh-tokoh utama ulama’ Al-Ashā‘irah di dalam pelbagai bidang ilmu: akidah, usul fiqh, tafsir al-Quran, hadith dan fiqh, seperti berikut:

Tokoh Ulama’ Besar Ilmu Akidah dan Usul Fiqh daripada kalangan Al-Ashā‘irah:

- Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-4] Shaykh al-Sunnah Lisān al-Ummah, Abū Bakr, Muḥammad al-Bāqillāni al-Mālikī al-Ash‘arī (w.403H)
- Al-Imām al-Muḥaddith al-Uṣūlī al-Mutakallim al-Faqīh Abū Bakr, Muhammad bin al-Ḥasan, Ibnu Fūrak al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.406H)
- Imām al-Ḥaramayn Abū al-Ma‘ālī ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullāh al-Juwaynī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.478H)
- Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-5] Ḥujjat al-Islām, Zayn al-Dīn, Muftī al-Ummah, Sharaf al-A‘immah, Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.505H)
- Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-6] al-Mufassir al-Faqīh al-Uṣūlī Sulṭān al-Mutakallimīn, Shaykh al-Ma‘qūl wa al-Manqūl, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.606H)

Tokoh Ulama’ Besar Ilmu Tafsir al-Quran dan Hadith daripada kalangan Al-Ashā‘irah

- Al-Imām al-Muḥaddith al-Mutqin Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqi al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.458H)
- Al-Imām Shaykh Khurāsān Abū al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Hawāzin al-Ash‘arī (w.465H)
- Al-Imām Rukn al-Dīn Shaykh al-Sunnah Muḥyī al-Sunnah al-Faqīh al-Muḥaddith al-Mufassir al-Ḥusayn bin Mas‘ūd al-Baghawī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.510H)
- Al-Imām al-‘Allāmah al-Ḥāfiẓ al-Kabīr Muḥaddith al-Shām Ibnu ‘Asākir al-Dimashqī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.571H) – Shaykh Dar al-Ḥadīth al-Nūriyyah yang merupakan Dār al-Ḥadīth pertama di dalam dunia Islam.

- Al-Imām al-Mujtahid al-Faqīh al-Muḥaddith al-Lughawī Shaykh al-Islām Yāhyā bin Sharaf al-Nawawī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.676H) – Tokoh besar dunia Islam yang disepakati, pentahḥīr mazhab Syafie dan di antara Shaykh Dār al-Ḥadīth al-Ashrafiyyah yang merupakan Dār al-Ḥadīth paling berpengaruh di dalam dunia Islam.
- Al-Imām al-Mufassir al-Faqīh Nāṣir al-Dīn ‘Abdullāh bin ‘Umar al-Shīrāzī al-Bayḍāwī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.685H)
- Al-Imām al-Ḥāfiẓ Qāḍī al-Quḍāh Shaykh al-Islām Amīr al-Mu‘minīn fī al-Ḥadīth Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī, Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.852H)
- Al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Muḥaddith al-Mu‘arrikh al-‘Allāmah Badr al-Dīn Māhmūd bin Aḥmad al-‘Aynī al-Ḥanafī (w.855H)
- Al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-9] al-Ḥāfiẓ al-Mufassir Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.911H)


Tokoh Ulama’ Besar Ilmu Fiqh daripada kalangan Al-Ashā‘irah:

- Al-Imām al-Mujtahid al-Mujāhid Sulṭān al-‘Ulamā’ Bā‘ī al-Mulūk al-‘Izz bin ‘Abd al-Salām al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.660H)
- Al-Imām Tāj al-Dīn al-Subkī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.727H)
- Al-Imām al-Kāmāl Ibnu al-Humām al-Ḥanafī (w.861H)
- Al-Imām Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.926H)
- Al-Imām Shaykh al-Islām Khātimat al-Fuqahā’ wa al-Muḥaddithīn Ibnu Ḥajar al-Haytami al-Makkī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.973H)

KESINAMBUNGAN MANHAJ ASWJ DI MALAYSIA

Manhaj ASWJ di Tanah Melayu

Kerangka manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Tanah Melayu (Malaysia)



Wasiat Syeikh Abdullah Fahim bin Syeikh Ibrahim (1869M – 1961M) Berkenaan Manhaj ASWJ di Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه، (أما بعد):

“Tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu seMalaya ini dari peringkat ke bawah hingga ke peringkat ke atas, awam-awam, qadhi-qadhi, ulama’-ulama’, menteri-menteri hingga raja-raja sekalian **mereka itu bermazhab dengan mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī ijma‘an**, tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab Shāfi‘ī (بِحُرْمِ خَرْقِ الْإِجْمَاعِ) “haram hukumnya mencarik/merobek ijma‘”.

Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Shāfi‘ī daripada kitab Tuḥfah dan kitab Nihāyah hingga kitab al-Umm dan mukhtaṣarātinya dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti Sabīl al-Muhtadīn, Bughyat al-Ṭullāb dan Maṭla‘ al-Badrayn dan lainnya.

Usuluddin atas perjalanan Abu al-Hasan al-Ash‘arī, diambikkan daripada shurūḥ dan hawāshī Umm al-Barāhīn dan Jawharah dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu.

Ilmu Tasawwuf atas perjalanan al-Imām al-Ghazālī, diambikkan daripada Minhāj al-‘Ābidīn, Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn dan terjemahnya kepada Melayu seperti Siyar/Sayr al-Sālikīn.

Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemua mustanbaṭ daripada Qur’an dan Hadith yang dihalusi dan ditapis oleh **ulama’ ajillā’ (ulama yang cemerlang lagi terbilang)**,

diamal dengan dia sudah **lebih daripada seribu (1000) tahun** dan diterjemah kepada bahasa Melayu **beratus-ratus tahun.**”

Tan Sri Dato’ Haji Othman Bin Mustapha– Ketua Pengarah JAKIM (2013)

Ketua Pengarah JAKIM (24 April 2011 - 16 Mei 2018), Tan Sri Dato’ Othman Mustapha juga ada menerangkan berkenaan definisi dan kerangka Ahli Sunnah dan Jama’ah yang menjadi asas penghayatan agama Islam di Malaysia. Pada tahun 2013, beliau menyebut:

“Anutan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi tradisi di Malaysia [**dari sudut fiqh**] merujuk kepada pengikut mazhab **Syafieyah** dan **dari segi teologinya [aqidah] beraliran Asya’irah** tanpa menolak tiga mazhab lain yang muktabar. Dari segi akhlak atau rohaniyahnya [Tasawwuf] dipengaruhi oleh pandangan **Imam Al-Ghazali.** ”

R: Dato Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM, Berita Harian, Ahad, 13 Disember 2013, m/s 30-31.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2016)

“Setelah meneliti setiap pandangan ahli mesyuarat dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 02/2016-1437H yang bersidang pada 25 Februari 2016 bersamaan 16 Jamadilawal 1437H telah bersetuju menerima cadangan takrifan berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam konteks Negeri Sembilan iaitu merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam mereka yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama Islam muktabar serta berpegang dalam hal berkaitan dengan:

1. **Aqidah dan Tauhid**, berdasarkan pegangan Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.
2. **Fiqh dan Syariah**, berdasarkan **mazhab Shafii** di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.
3. **Tasawwuf**, berdasarkan manhaj ulama sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali."

Rujukan: Laman Sesawang JMKNS. Tarikh akses: Ahad, 08 Mei 2016.

Deklarasi Ipoh (2023)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dengan tema "Memperkasa Ahli Sunnah Wal Jama'ah Sebagai Al-Fiqah Al-Najiah" telah dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan dan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah bertempat di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak pada 10-12 Oktober 2023 Masihi bersamaan 25-27 Rabi'ul Awwal 1445 Hijrah.

Muzakarah yang berlangsung selama tiga hari ini telah membuat deklarasi berikut:

[1] Ahli Sunnah Wal Jama'ah merujuk kepada umat Islam yang berpegang teguh dengan petunjuk Rasulullah ﷺ dan para sahabat baginda ﷺ di dalam memahami dan mengamalkan agama Islam.

[2] Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah merupakan pegangan majoriti ulama' dan umat Islam sepanjang zaman semenjak generasi para Salaf dan Khalaf sehingga hari ini. Mereka disebut sebagai "Al-Jama'ah", "Al-Sawad Al-A'zam" dan "Al-Firqah Al-Najjah" yang telah diperintahkan oleh Rasulullah ﷺ untuk umat Islam berpegang dengannya tatkala berlakunya perpecahan umat.

[3] Ahli Sunnah Wal Jama'ah ialah golongan umat Islam yang berpegang dengan manhaj Imam Abu al-Hasan Al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi serta ahli Athar di dalam bidang akidah, dan beramal dengan mazhab yang muktabar di dalam bidang fiqh, serta mengikut madrasah Imam Junayd al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali di dalam bidang tasawuf.

[4] Manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah merupakan manhaj yang mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang di antara dalil naqli dan aqli serta berpegang dengan kaedah Tafwid dan Takwil bagi nas-nas mutashabihat.

[5] Ahli Sunnah Wal Jama'ah menjadi pegangan seluruh ulama' muktabar daripada kalangan fuqaha', ahli hadith, ahli tafsir, ulama' tasawuf, ulama' lughah dan ilmu qiraat.

[6] Firqah-firqah bid'ah seperti Syiah, Khawarij, Mujassimah, Mushabbihah, Muktazilah, Batiniyyah, Liberalisme, Pluralisme, Sekularisme, Wahhabi, Salafiah Jihadiyah, DAESH, Al-Ikhwan, Hizbut Tahrir dan sebarang fahaman yang membawa kepada fenomena takfir dan keganasan terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

[7] Ahli Sunnah Wal Jama'ah juga adalah merupakan jati diri umat Islam di alam Melayu sejak kedatangannya dan menjadi warisan sehingga ke hari ini. Oleh itu, Ahli Sunnah Wal Jama'ah perlulah difahami, dihayati, dipelihara dan dilindungi serta usaha-usaha

memperkasakan Ahli Sunnah Wal Jama'ah ini perlulah dilakukan secara menyeluruh dan berterusan.

Dato' Wan Zahidi Wan Teh

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

12 Oktober 2023 bersamaan 27 Rabi'ul Awwal 1445 Hijrah

RUMUSAN

1. Kemunculan mazhab ASWJ adalah rentetan respon para ulama' Islam yang berkaliber dan berautoriti kepada kemunculan golongan-golongan yang menyeleweng daripada manhaj yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ dan para Sahabat Baginda.
2. Perpecahan umat Islam diperingkat awal bermula dengan isu politik atau isu pemilihan Khalifah atau Imam. Kemudian ia berkembang menjadi perpecahan aqidah melibatkan perbahasan ketuhanan dan sebagainya.
3. Aliran bid'ah yang disokong oleh kuasa pemerintahan akan membawa fitnah yang besar kepada umat Islam.
4. Pihak pemerintah perlu memastikan bahawa para ulama' yang menjadi rujukan mereka adalah para ulama' yang jelas berpegang dengan manhaj ASWJ.
5. Kerjasama di antara golongan umara' dan ulama' Ahli Sunnah dan Jama'ah adalah asas bagi keamanan umat Islam kerana ASWJ jauh daripada sikap-sikap ekstrim khususnya sikap Takfir


dan Istihlal (menghalalkan darah dan harta umat Islam yang lain).

6. Penamaan atau istilah Ahli Sunnah dan Jama'ah (ASWJ) adalah penting bagi: (i) membezakan golongan yang hak dan batil di kalangan umat Islam; (ii) menjadi syiar kebenaran dan (iii) panduan yang jelas bagi masyarakat Islam dalam beragama.
7. Al-Ashair'ah dan Al-Maturidiyyah adalah dua mazhab ASWJ di dalam Aqidah yang mempertahankan dan memperjelaskan aqidah yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ dan para Sahabat. Ia adalah mazhab majoriti ulama' dan umat Islam sejak dahulu sehingga kini. Makna al-Jama'ah dan al-Sawad al-A'zam sangat jelas pada sejarah perkembangan mereka sehingga ke hari ini. Merekalah mazhab para ulama' fiqh, ulama' tafsir, ulama' hadith, ulama' tasawwuf dan lain-lain. Dan inilah manhaj ASWJ bagi umat Islam di Malaysia dalam pengajian dan pengajaran aqidah.

BIBLIOGRAFI

- Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī. (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal. (1995). *al-Musnad*. Mu'assasat al-Risālah.
- al-Bazzār, Abū Bakr. (1997). *al-Baḥr al-Zakḥkhār bi Musnad al-Bazzār*. Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā'īl. (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dar al-Salām.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā'īl. (2001). *al-Tārīkh al-Kabīr*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Būṣīrī. (1998). *Iṭḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah* [Tahqiq: Abu 'Abd al-Rahman 'Adil Ibn Sa'd & Abu Ishaq al-Sayyid Ibn Mahmud]. al-Rushd.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1991). *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah ma'a Mujaz li Tarikh al-Khilafah al-Rashidah*. Dar al-Fikr.

- al-Dzahabī, Muhammad Ahmad (1992). *Siyar A'īlām al-Nubalā'*. Mu'assasat al-Risalah.
- al-Nasā'ī, Ahmad Shu'ayb. (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nasā'ī, Ahmad Shu'ayb. (1986). *al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan*. Maktab al-Matbū'āt al-Islāmiyyah.
- al-Qudah, Nuh 'Ali Salman. (1999). *al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharat al-Tawhid*. Dar al-Razi.
- al-Sinan, Hamd, & al-'Anjari, Fawzi. *Ahl al-Sunnah al-Asha'irah: Shahadat 'Ulama' al-Ummah wa Adillatuhum*. Dar al-Diya'.
- al-Tirmidhī, Muḥammad 'Isā. *al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. Maktabat al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Tirmidzī, Muḥammad 'Isā. *al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)*. Maktabat al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Fatwa Johor. (2015). *Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam Malaysia*. e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15888
- Ibn Hajar al-'Asqalānī, Ahmad 'Alī. (1998). *al-Maṭālib al-'Āliyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamāniyah*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah.
- Ibn Hibbān, Muḥammad. (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*. Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn Kathir, Isma'il 'Umar. (1988). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Jalil, Abdullaah. (2018, 27 Oktober). Sumbangan Ilmuan Fiqah dalam Pemikiran Al-Ash'ariyyah. Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Waljamaah 2.0, Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh (43.101), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj. (2006). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ṭaybah.
- Pusat Fatwa Jordan. (2012). الأشاعرة هم جمهور أهل السنة والجماعة. Retrieved 18 Ogos from <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=489>
- Said Ibrahim. (1997). *Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam (Jawi)*. Dar al-Ma'rifah.
- Salamah al-'Azzami, al-Quda'i al-Shafi'i. (n.d.). *al-Barahin al-Sati'ah fi Radd Ba'd al-Bida' al-Sha'i'ah*. Matba'ah al-Sa'adah.
- Taj al-Din al-Subki, 'Abd al-Wahhab. (2003). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. al-Qahirah.
- Taqiyy al-Din al-Hisni. (2003). *Daf' Shubah Man Shabbah wa Tamarrad wa Nasab Dhalik ila al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Dar al-Mustafa.



Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, retakaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini.

Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016 serta panel Nadwah Ahli Sunnah Wal Jama'ah Darul Ridzuan (2023). Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah "Friends of the Police" pada Hari Polis Kebangsaan 2012.